


UNIVERSITI  
KEBANGSAAN  
MALAYSIA  
*The National University  
of Malaysia*

# DASAR PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (PdP) UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA (UKM)

(SEMAKAN 2023)



**DASAR PENGAJARAN DAN  
PEMBELAJARAN  
(PdP)  
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA  
(UKM)  
(SEMAKAN 2023)**

# **JAWATANKUASA SEMAKAN DASAR PDP UKM (SEMAKAN 2023)**

## **PENGARAH PROJEK**

Prof. Ir. Dr. Ahmad Kamal Ariffin Mohd Ihsan

## **KETUA EDITOR**

Prof. Dr. Ismail Mohd Saiboon  
Prof. Madya Dr. Raihanah Mohd. Mydin (Editor Bersama)

## **PENOLONG EDITOR**

Cik Alya Nabihah Idris

## **SENARAI DASAR**

## **GLOSARI**

Pengajaran-UKM, Kualiti-UKM, Akademik, UKMShape

## **MATLAMAT PENDIDIKAN UKM**

Pengajaran-UKM, Pusat Siswazah, Strategi-UKM, PKAUKM

## **PENYELIAAN**

Pusat Siswazah, FUU, FPI, FTSM, FST, FGG, FPer

## **REKA BENTUK DAN PENYEMAKAN KURIKULUM**

Pengajaran-UKM, Kualiti-UKM

## **PROGRAM PERANTARA AKADEMIK**

Akademik-UKM, UKM-Global, PPCU, Genius-Pintar, UKM-CESMED

## **PENGALAMAN PEMBELAJARAN MENYELURUH**

PPCU, Pusat Siswazah, Pengajaran-UKM, Kualiti-UKM, FPend

## **INFRASTRUKTUR**

JPP, PTM, Pengajaran-UKM, HEP, PTSL, JIAM FST, UKM-CESMED

## **PEMBELAJARAN BERPUSATKAN PELAJAR**

Pengajaran-UKM, FPend, FSK

**PEMBELAJARAN SEPANJANG HAYAT**  
UKM-Shape, Akademik-UKM, Pengajaran-UKM, Kualiti-UKM, FSSK, PPCU

**E-PEMBELAJARAN**  
Pengajaran-UKM, PTM, UKMShape, PTSL, Profesional-UKM, PKAUKM

**ETIKA PENULISAN AKADEMIK**  
Integriti-Ombudsman, Pusat Siswazah, CRIM, PTSL

**LATIHAN INDUSTRI DAN KOMUNITI**  
UCTC, PHI, Alumni, JIAM FKAB, JIAM FPI, JIAM FFar, JIAM FGG, PPCU, UKM-GSB,  
SERI

**KEUSAHAWANAN DAN INOVASI**  
UKM-CESMED, Inovasi@UKM, UKM-Karier

**PEMINDAHAN KREDIT**  
Akademik (Unit APEL), Kualiti-UKM, UKM-Global

**PEMBANTU PENGAJAR SISWAZAH (GTA)**  
Pusat Siswazah, FST, FGG, FPer, FPI, CRIM

**PENTAKSIRAN PELAJAR**  
Pengajaran-UKM, PPCU, Akademik, PTj- FPer, FTSM, FEP

**PENILAIAN PELAJAR**  
Pengajaran-UKM, Pusat Siswazah, Kualiti-UKM

**PENILAIAN PROGRAM PENGAJIAN OLEH PEMERIKSA LUAR**  
Pengajaran-UKM

**AUDIT DAN AKREDITASI PROGRAM**  
Kualiti-UKM

**SEMAKAN TATABAHASA**  
Puan A. Salina Ahmad Salleh

**PENILAI DASAR**  
Prof. Emeritus Dato' Ir. Dr. Riza Atiq Abdullah O.K. Rahmat  
Prof. Dr. Abd. Karim Alias

**PEMBANTU TEKNIKAL**  
Puan Nor Faridawati Bahari

# DASAR PDP UKM (SEMAKAN 2023)

## SENARAI KANDUNGAN

<b>I</b>	<b>PENYATAAN DASAR</b>	12
<b>II</b>	<b>PENGAJARAN, PEMBELAJARAN DAN PENYELIAAN</b>	12
A.	PENGAJARAN	12
B.	PEMBELAJARAN	13
C.	PENYELIAAN	13
<b>III</b>	<b>FASA REKABENTUK</b>	14
A.	REKA BENTUK DAN PENYEMAKAN KURIKULUM	14
B.	PROGRAM PERANTARA AKADEMIK	17
<b>IV</b>	<b>FASA PENYAMPAIAN</b>	19
A.	PENGALAMAN PEMBELAJARAN MENYELURUH	19
B.	PEMBELAJARAN BERPUSATKAN PELAJAR	32
C.	PEMBELAJARAN SEPANJANG HAYAT	33
D.	e-PEMBELAJARAN	36
E.	ETIKA PENULISAN AKADEMIK	41
F.	LATIHAN INDUSTRI DAN KOMUNITI	44
G.	KEUSAHAWANAN DAN INOVASI	48
H.	PEMINDAHAN KREDIT	50
I.	PEMBANTU PENGAJAR SISWAZAH	52
<b>V</b>	<b>FASA PENTAKSIRAN DAN PENILAIAN</b>	54
A.	PENTAKSIRAN PELAJAR	54
B.	PENILAIAN PELAJAR	57
C.	PENILAIAN PROGRAM PENGAJIAN OLEH PEMERIKSA LUAR	59
D.	AUDIT DAN AKREDITASI PROGRAM	60
<b>VI</b>	<b>PENUTUP</b>	62
	LAMPIRAN A: Garis Panduan Program Perantara Akademik	63
	LAMPIRAN B: Garis Panduan Pemindahan Kredit	69

## **GLOSARI**

### **Akreditasi pembelajaran berasaskan pengalaman terdahulu (APEL)**

Proses sistematik yang melibatkan identifikasi, dokumentasi dan pentaksiran terhadap pembelajaran berasaskan pengalaman terdahulu seperti ilmu pengetahuan, kemahiran dan sikap, untuk menentukan tahap seseorang individu mencapai hasil pembelajaran yang diinginkan, bagi mengakses sesuatu program pengajian.

### **e-Kandungan**

e-Kandungan merupakan kandungan digital yang dibangunkan berdasarkan Dasar e-Pembelajaran Negara (DePAN) yang disediakan dalam bentuk akses terbuka. e-Kandungan dibahagikan kepada tiga bidang fokus iaitu e-Kandungan Asli, e-Kandungan Terbuka - OER/creative commons/hakcipta dari UKM dan piawai e-Kandungan.

### **e-Sumber**

Sumber maklumat elektronik di perpustakaan yang dilanggan, dibangunkan secara dalaman atau sumber terbuka yang terdiri daripada artikel jurnal teks penuh, persidangan, buku, bab dalam buku, tesis dan lain-lain. Bahan ini boleh dicapai secara dalam talian melalui platform yang disediakan oleh perpustakaan.

### **Kampus Pesisir**

Kampus atau pusat pembelajaran rasmi UKM yang ditubuhkan dan beroperasi di luar negara bagi menjalankan program-program pengajian UKM di negara tersebut. Kampus Pesisir perlu melalui Audit Premis yang akan dijalankan seperti yang ditetapkan oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) bawah peruntukan swaakreditasi UKM dan dasar semasa yang ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT). Program yang ditawarkan di Kampus Pesisir adalah tertakluk kepada Kerangka Kelayakan Malaysia (MQF), piawai (standard) yang ditetapkan bawah peruntukan swaakreditasi UKM serta dasar-dasar pendidikan tinggi dan standard jaminan kualiti yang berkuat kuasa di negara berkenaan.

### **Kecerdasan Buatan Generatif**

Kecerdasan buatan generatif atau AI Generatif, ialah satu bentuk pembelajaran mesin yang mampu menghasilkan teks, video, imej dan jenis kandungan lain. Contohnya adalah seperti ChatGPT, DALL-E dan Bard merupakan AI generatif yang menghasilkan teks atau imej berdasarkan gesaan atau dialog yang diberikan pengguna.

## **Kerangka Kelayakan Malaysia**

Huraian atau deskripsi sistem pendidikan kebangsaan, yang difahami di peringkat antarabangsa, menjelaskan bahawa semua kelayakan dan pencapaian akademik dalam pendidikan tinggi atau pascasekolah dan menghubungkaitkan kelayakan-kelayakan ini secara bermakna. Hal ini merupakan satu instrumen yang mengklasifikasi kelayakan berdasarkan satu set kriteria yang diiktiraf di peringkat kebangsaan dan menjadi penanda aras terhadap amalan terbaik di peringkat antarabangsa.

## **Kredit**

Ukuran kuantitatif yang melambangkan volum pembelajaran atau beban pembelajaran untuk mencapai hasil pembelajaran tertentu. Satu kredit bersamaan dengan 40 jam pembelajaran. Istilah jam pembelajaran juga dikenali sebagai jam nosional.

## **Pihak berkepentingan**

Pihak yang mempunyai hak atau saham dalam sesuatu perkara, atau mempunyai keperluan, atau inginkan sesuatu manfaat.

## **Pembelajaran formal**

Pembelajaran yang disengajakan/program pengajian yang disampaikan dalam satu konteks yang terancang dan berstruktur (prasekolah, sekolah rendah, sekolah menengah, kolej teknikal dan universiti) yang boleh membawa kepada penganugerahan formal/kelayakan yang diiktiraf.

## **Pembelajaran tidak formal**

Pembelajaran secara berterusan sepanjang hayat serta pengalaman kerja (juga dikenali sebagai pembelajaran berasaskan pengalaman). Biasanya pembelajaran ini diperoleh secara tidak disengajakan.

## **Pembelajaran bukan formal**

Pembelajaran yang selari dengan sistem pendidikan dan latihan arus perdana. Pembelajaran ini boleh dinilai tetapi lazimnya tidak akan membawa kepada pensijilan yang formal.

## **Pembelajaran aktif**

Pembelajaran aktif merupakan satu pendekatan pembelajaran yang menekankan unsur interaktif antara pelajar dengan pengajar atau bahan pengajaran sama ada melalui



perbincangan, percambahan fikiran, penyelesaian masalah, aktiviti fizikal dan sebagainya.

### **Pembelajaran anjal**

Pembelajaran anjal atau Program Akademik Anjal (PAA) adalah program akademik konvensional yang boleh berubah secara terancang dari segi elemen anjal iaitu keberadaan pelajar, ruang pembelajaran, kaedah penyampaian, masa atau kaedah pentaksiran tanpa mengubah hasil pembelajaran program akademik (PLO).

### **Pembelajaran hibrid**

Pembelajaran hibrid merujuk kepada kaedah penyampaian pembelajaran yang melibatkan pelajar dengan kehadiran secara fizikal di lokasi pembelajaran bersama tenaga pengajar. Pada masa yang sama, terdapat pelajar lain mengikuti pembelajaran tersebut secara dalam talian. Tenaga pengajar memudah cara sesi pembelajaran tersebut secara segerak.

### **Pembelajaran berpusatkan pelajar**

Pelbagai jenis program pendidikan, pengalaman pembelajaran, pendekatan-pendekatan pengajaran dan strategi sokongan akademik yang bertujuan menangani keperluan khusus pembelajaran, minat, aspirasi atau latar belakang budaya pelajar secara individu dan berkumpulan. Umumnya bermaksud kaedah pengajaran yang memindahkan fokus pengajaran daripada guru kepada pelajar.

### **Penilaian**

Penentuan nilai atau keberkesanan sesuatu perkara – biasanya sesuatu program.

### **Pengalaman pembelajaran menyeluruh**

Pengalaman pembelajaran yang holistik dalam kalangan pelajar yang dibentuk melalui gabungan beberapa kaedah pengajaran yang tersepadu.

### **Pentaksiran**

Proses mengumpulkan maklumat daripada pelbagai sumber yang boleh digunakan untuk mengukur prestasi pelajar.

### **Pentaksiran formatif**

Satu prosedur julat penilaian rasmi dan tidak rasmi yang digunakan oleh pendidik semasa proses pembelajaran bagi menyesuaikan aktiviti mengajar dan pembelajaran untuk meningkatkan pencapaian pelajar. Pentaksiran ini dilakukan untuk penambahbaikan berterusan ke atas kaedah pengajaran semasa minggu pengkuliahahan, pemberat markah perlu diambil secara kecil dan tidak memberikan implikasi yang besar kepada gred pelajar.

### **Pentaksiran sumatif**

Proses penilaian yang dijalankan secara menyeluruh pada akhir satu peringkat pembelajaran untuk menentukan tahap pembelajaran dalam kalangan pelajar. Pentaksiran sumatif mengukur pencapaian hasil pembelajaran berdasarkan kriteria yang ditetapkan dan boleh menggunakan pemberat markah yang besar untuk penentuan gred.

### **Pentaksiran berterusan**

Pentaksiran ini dilakukan untuk mengukur perkembangan pembelajaran secara berterusan

### **Program pengajian**

Set kursus yang dirangka bagi sesuatu tempoh dan jumlah pembelajaran yang spesifik untuk mencapai hasil pembelajaran yang dinyatakan, yang kebiasaannya menjurus kepada pengiktirafan sesuatu kelayakan.

### **SiC**

*Student in Campus (SiC)* merujuk kepada keberadaan pelajar di dalam kampus pada seusatu semester.

### **SoC**

*Student off Campus (SoC)* merujuk kepada keberadaan pelajar di luar kampus pada sesuatu semester.

### **Tempoh Bermastautin**

Tempoh minimum seseorang pelajar perlu mendaftar dan mengikuti pengajian di dalam kampus UKM sebuah Institusi Pengajian Tinggi (IPT). Ketetapan tempoh bermastautin

ini berdasarkan tempoh bermastautin di UKM yang menganugerahkan kelayakan tersebut adalah seperti berikut:

- Program sarjana/kedoktoran : 1 semester
- Program sarjana muda : 1 semester
- Program asasi, diploma dan sijil : 1 semester

Ketetapan tempoh bermastautin ini berdasarkan Keputusan Mesyuarat Kajian Semula Dasar-Dasar Berkaitan Jaminan Kualiti KPM-MQA Bil. 1/2011 dan Bil. 3/2013 telah menetapkan sekiranya seseorang pelajar yang sedang mengikuti program dan ingin menukar ke program lain dalam bidang yang sama dengan program yang sedang diikuti tetapi di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) yang berbeza; atau pelajar tersebut berhenti belajar daripada pengajian dan kemudiannya ingin menyambung pengajian semula dalam program lain di peringkat yang sama tetapi di IPT yang berbeza, pemindahan kredit boleh dilakukan tertakluk kepada syarat bermastautin pelajar.

## MATLAMAT PENDIDIKAN UKM

Siswazah Beraspirasi Kebangsaan, Berkompeten, Berdaya Saing dan Inovatif.

### **Matlamat Pendidikan (KRA 1) Takrif Pernyataan**

Siswazah Beraspirasi Kebangsaan, Berkompeten, Berdaya Saing dan Inovatif

Siswazah UKM menghayati aspirasi kebangsaan, dan memiliki nilai etika, ilmu pengetahuan, kecekapan, daya inovasi dan daya saing yang memenuhi keperluan negara dan masyarakat sejagat.

### **Subdomain 1 (Sub-KRA 1.1)**

Siswazah Beraspirasi Kebangsaan

Siswazah UKM memahami dan menghayati aspirasi negara, serta nilai, etika, dan profesionalisme yang mendasari pembangunan negara bangsa mengikut acuan budaya kebangsaan.

### **Subdomain 2 (Sub-KRA 1.2)**

Siswazah Berkompeten

Siswazah UKM menguasai ilmu terkini, kemahiran praktikal dan kemahiran insaniah tinggi serta sentiasa meningkatkan kecekapan, bersesuaian dengan keperluan negara dan masyarakat sejagat.

### **Subdomain 3 (Sub-KRA 1.3)**

Siswazah Berdaya Saing dan Inovatif

Siswazah UKM mempunyai daya inovasi, ciri dan pemikiran keusahawanan dan pembelajaran sepanjang hayat, kemahiran komunikasi dalam Bahasa Melayu dan bahasa antarabangsa serta sifat kepimpinan yang menjadi pilihan utama majikan dan pihak berkepentingan.

# **KERANGKA UMUM DASAR AKADEMIK UKM**

## **I. PENYATAAN DASAR**

Dasar Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) digubal untuk merealisasikan Wawasan, Misi dan Matlamat Pendidikan universiti bagi mendokong Falsafah UKM.

Dasar ini merangkumi tujuan, skop dan strategi bagi memastikan pelaksanaan dan pengurusan proses pengajaran dan pembelajaran yang berkesan. Asas kepada pernyataan dasar ini adalah penjana ilmu melalui pengalaman pembelajaran menyeluruh menggunakan pendekatan yang berpusatkan pelajar bagi melahirkan graduan yang berkeyakinan, berkepimpinan dan berjati diri kebangsaan di persada antarabangsa.

Dasar ini perlu dibaca bersama dengan dasar-dasar lain sedia ada seperti Akta dan Statut untuk setiap sumber yang disenaraikan di dalam dasar ini. Dasar ini juga perlu dibaca bersama-sama dengan peraturan UKM iaitu Peraturan-peraturan Universiti Kebangsaan Malaysia (Pengajian Sarjana Muda) 2020 dan Peraturan-peraturan Universiti Kebangsaan Malaysia (Pengajian Siswazah) 2021 serta semua dasar dan garis panduan lain yang diwujudkan.

## **II. PENGAJARAN, PEMBELAJARAN, DAN PENYELIAAN**

### **A. PENGAJARAN:**

1. Pengajaran melibatkan perancangan dan pelaksanaan aktiviti yang dirangka secara kreatif dan inovatif berasaskan bukti bagi meningkatkan ilmu pengetahuan, kebolehan serta kesungguhan pelajar dalam menunaikan tanggungjawab mereka berhubung aktiviti ilmiah serta berkaitan dengan perkembangan diri secara holistik;
2. Pengajaran mestilah dilaksanakan oleh pakar dalam bidang ilmu untuk program pengajian berkenaan; Kualiti pengajaran perlu dipertingkatkan secara berterusan menerusi penyelidikan, pengembangan ilmu dan rujukan kepada amalan terbaik dan dengan mengadakan Sistem Pementoran Pensyarah Terbilang antara pensyarah berpengalaman dengan pensyarah baru.
3. Pengajaran merangkumi proses reka bentuk kurikulum, penyampaian kurikulum, pentaksiran pelajar dan penambahbaikan berdasarkan input yang diperolehi di akhir proses PdP.

4. Pengajaran merangkumi proses reka bentuk kurikulum, penyampaian kurikulum, pentaksiran pelajar dan penambahbaikan berdasarkan input yang diperolehi di akhir proses PdP.

## **B. PEMBELAJARAN:**

1. Pembelajaran meliputi aktiviti pelajar memperoleh ilmu serta kemahiran baharu. Kemudian mengaplikasikannya secara bermakna dan produktif dalam kehidupan;
2. Pengalaman pembelajaran sama ada secara formal atau tidak formal yang akan diikuti oleh pelajar sebagai sebahagian daripada proses pembelajaran;
3. Pembelajaran yang berkesan akan memupuk keyakinan kepada pelajar untuk membuat keputusan serta menyelesaikan masalah secara bijaksana dan berhikmah; dan
4. Pembelajaran yang berkesan berjaya membina kemahiran serta memupuk sikap yang sesuai yang diterjemahkan melalui kompetensi kemahiran generik dalam kalangan pelajar.

## **C. PENYELIAAN**

1. Sistem dan proses penyeliaan melibatkan penyelia yang ditugaskan untuk menyelia penyelidikan, penulisan disertasi/tesis dan manuskrip, serta membimbing dan menilai pengajian calon.
2. Penyelia boleh terdiri daripada seorang Penyelia Utama dan/atau seorang Penyelia Bersama atau suatu Jawatankuasa Penyeliaan.
3. Penyelia Luar yang merupakan pakar dari luar universiti boleh dilantik sebagai Penyelia Bersama atau ahli Jawatankuasa Penyeliaan.
4. Penyelia/Jawatankuasa Penyeliaan perlu mengetahui perkembangan penyelidikan pelajar dan memberikan sokongan, nasihat serta bimbingan berhubung dengan hal akademik sepanjang tempoh pengajian.
5. Perjumpaan antara Penyelia Utama dengan pelajar perlu diadakan secara kerap manakala perjumpaan antara Penyelia Bersama atau Jawatankuasa Penyeliaan dengan pelajar perlu diadakan secara berkala, sekurang-kurangnya sekali satu semester.
6. Penyelia Utama atau Pengerusi Jawatankuasa Penyeliaan perlu menyampaikan satu laporan kemajuan calon kepada Sekretariat/Jawatankuasa Siswazah Fakulti/Institut pada setiap semester sepanjang tempoh pengajian calon.

### **III. FASA REKA BENTUK**

#### **A. REKA BENTUK DAN PENYEMAKAN KURIKULUM**

Pendekatan yang digunakan dalam membangun, menyemak dan menilai kurikulum dengan mengambil kira perkembangan semasa dalam disiplin major dan pengkhususan serta input dan keperluan pihak berkepentingan.

##### **1. Tujuan**

Untuk memastikan kurikulum yang dilaksanakan di UKM mengikut keperluan pihak berkepentingan (pelajar, majikan, industri, komuniti) termasuk Agensi Kelayakan Malaysia (MQA). Kurikulum pengajian juga perlu seiring dengan perkembangan terkini termasuk hasil kajian dalam bidang ilmu serta dalam disiplin pengkhususan yang berkaitan, sama ada yang telah dijalankan di UKM atau di institusi-institusi lain di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Ia juga haruslah mengambil kira perkembangan ilmu semasa dan akan datang bagi mempersiapkan pelajar dan masyarakat dengan set kemahiran yang diperlukan pada masa tersebut serta memenuhi keperluan pekerjaan di masa hadapan.

##### **2. Skop**

Meliputi semua kursus di peringkat prasiswazah dan pascasiswazah yang ditawarkan di UKM sama ada melalui mod pengajian sepenuh masa ataupun separuh masa atau melalui mod penawaran program pembelajaran terbuka, jarak jauh, eksekutif, modular dan industri. Penyemakan kurikulum perlu turut mengambil kira sistem penyampaian kurikulum, persekitaran pembelajaran serta disokong oleh pelbagai strategi PdP yang berpusatkan pelajar bagi memastikan pelajar yang dihasilkan boleh bersaing bukan sahaja di peringkat tempatan tetapi juga di peringkat global. Pendekatan ini bukan hanya untuk memastikan keperluan pelajar yang pelbagai dipenuhi namun turut membawa kepada pembelajaran bermakna dalam diri pelajar berkenaan serta kebolehpasaran mereka dalam kerjaya yang diceburi kelak.

##### **3. Strategi**

Fakulti/Institut/Pusat (F/I/P) berperanan dan bertanggungjawab untuk melaksanakan perkara-perkara berikut:

- 3.1 Membentuk Jawatankuasa Pembangunan Kurikulum bagi program pengajian baharu dan Jawatankuasa Penyemakan Program bagi program pengajian sedia

ada yang perlu disemak. Jawatankuasa ini berperanan untuk menjalankan tugas mereka mengikut terma rujukan yang tersedia untuk dilaksanakan.

- 3.2 Mereka bentuk dan membangunkan kurikulum selaras dengan spesifikasi yang ditetapkan dalam Kerangka Kelayakan Malaysia (MQF) dan standard-standard yang berkaitan;
- 3.3 Mereka bentuk dan membangunkan kurikulum dengan mengambil kira pandangan serta keperluan pihak berkepentingan; seperti pelajar, alumni, majikan, industri dan komuniti.
- 3.4 Memastikan semua program disemak sekurang-kurangnya sekali dalam masa lima (5) tahun atau mengikut perubahan besar atau dasar yang berlaku di peringkat industri, majikan, masyarakat mahupun kerajaan di peringkat tempatan.
- 3.5 Memantau perubahan-perubahan yang sedang berlaku di dunia dan meramalkan perubahan masa depan untuk diterapkan dalam kurikulum.
- 3.6 Memastikan reka bentuk dan penyampaian kurikulum mengambil kira unsur SDG 4, iaitu Kualiti Pendidikan yang memenuhi keperluan pelajar yang pelbagai dari segi etnik serta latar belakang budaya yang berbeza, agama, status imigresen, jantina dan termasuk mereka yang mempunyai kecacatan atau keupayaan berbeza untuk mendapatkan pembelajaran sepanjang hayat.
- 3.7 Menggalakkan integrasi topik berkaitan kelestarian ke dalam kursus, atau mempromosikan kaedah pengajaran yang mesra alam.
- 3.8 Memastikan mekanisme maklum balas daripada pihak berkepentingan bagi membantu penambahbaikan berterusan sesuatu program.
- 3.9 Memastikan setiap program pengajian memenuhi kod amalan dan standard pengajian serta standard program yang ditetapkan oleh MQA atau badan profesional dan dasar-dasar yang dikuatkuasakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dari semasa ke semasa.
- 3.10 Memastikan kurikulum memenuhi kriteria pelebaran serta kedalaman sesuatu bidang ilmu. Pelebaran ilmu merujuk kepada keluasan dan integrasi pelbagai cabang ilmu yang berkaitan. Kedalaman ilmu pula merujuk kepada penumpuan berterusan untuk satu-satu cabang ilmu yang diterokai dengan lebih terperinci.



- 3.11 Memastikan sinergi antara pendidikan dengan penyelidikan dalam proses pengajaran melalui pengajaran berorientasikan penyelidikan dan penyepaduan hasil penyelidikan dalam bidang tujahan berkaitan.
- 3.12 Memastikan reka bentuk program berasaskan penjajaran konstruktif. Ini bermakna teori *constructivism*, *cognitivism* dan *connectivism* harus diterapkan agar penjajaran semua aktiviti pembelajaran kepada HPK dan HPP dapat dilaksanakan.
- 3.13 Memastikan Hasil Pembelajaran Kursus (HPK) dipetakan dengan Hasil Pembelajaran Program (HPP) dan kemudian dijajarkan dengan kaedah pengajaran dan pentaksiran yang spesifik. Penjajaran ini boleh dilakukan menggunakan pelan pentaksiran program;
- 3.14 Memastikan pentaksiran berterusan sekurang-kurangnya 30% dan tidak melebihi 70% bagi kursus yang ditaksir melalui peperiksaan kecuali kursus-kursus yang berasaskan kepada projek dan kemahiran. Untuk kursus-kursus ini, kaedah pentaksiran sumatif mestilah sesuai dengan jenis dan tahap HPK bagi kursus tersebut;
- 3.15 Memastikan Memorandum Persefahaman (MoU) dan Perjanjian Persefahaman (MoA), jika berkaitan, dimeterai antara UKM dengan institusi pendidikan tinggi yang bekerjasama bagi pembangunan kurikulum dan pelaksanaan program pertukaran melibatkan kedua-dua pihak;
- 3.16 Memastikan Memorandum Persefahaman (MoU) dan Perjanjian Persefahaman (MoA), jika berkaitan, dimeterai antara UKM dengan rakan industri atas hak harta intelek, bagi program-program yang memerlukan penglibatan pihak industri seperti program Doktor Falsafah Industri;
- 3.17 Memastikan penubuhan Panel Penasihat Program dengan komposisi yang seimbang mewakili pihak berkepentingan dan badan ikhtisas atau badan profesional, jika berkaitan, dan bermesyuarat sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh satu (1) tahun; dan
- 3.18 Memastikan pihak berkepentingan yang berkaitan dilibatkan dalam reka bentuk dan penyemakan program.

## **B. PROGRAM PERANTARA AKADEMIK**

Program Perantara (*bridging programme*) atau kursus pra-syarat melibatkan sesi pemantapan ilmu asas atau kemahiran asas kepada segolongan pelajar yang tidak mencapai tahap minimum dalam syarat tertentu kemasukan program atau mencapai kompetensi yang sepatutnya semasa program yang memerlukan intervensi dalam Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) supaya pelajar terbabit dapat meneruskan pengajian serta tidak menghadapi masalah akademik yang berat. Pelajar yang perlu kepada program perantara ini boleh terdiri daripada pelajar yang bertukar program. Bagi pelajar yang tidak bertukar program pengajian tetapi amat perlu kepada intervensi proses PdP, mereka boleh mengikuti program perantara bagi membolehkan mereka meneruskan pengajian dengan jayanya di peringkat sarjana muda atau di peringkat pengajian pascasiswazah. Cadangan agar program pengantara akademik dijalankan dalam tempoh enam (6) bulan sehingga satu (1) tahun.

Bagi memenuhi keperluan pembelajaran tersebut, pelajar boleh diberi peruntukan dalam bentuk sesi intervensi termasuk PdP untuk memantapkan proses pengajian mereka yang selanjutnya. Peruntukan tersebut dinamakan Program Sokongan Akademik Pelajar (PSAP).

Setiap fakulti yang mempunyai PSAP digalakkan untuk menyediakan satu jawatankuasa untuk pengurusan intervensi akademik dan psikologi supaya pelajar tersebut tidak ketinggalan atau keciciran. Selain itu, dicadangkan fakulti mewujudkan program mentor-mentee khas bagi pelajar PSAP.

Pelajar bawah program PSAP perlu berada dalam bimbingan atau pemantauan jawatankuasa program mentor-mentee khas (PMmK) untuk pengurusan intervensi akademik dan psikologi bagi mengelakkan ketinggalan atau isu keciciran pelajar PSAP.

### **1. Tujuan**

Dasar ini memberikan ruang kepada calon sama ada daripada kumpulan akademik biasa dan pelajar berkeperluan khas seperti pelajar pintar, pelajar masalah pembelajaran, dan pelajar kurang upaya untuk dipertimbangkan memasuki program di UKM. Bagi memenuhi keperluan pembelajaran, pelajar boleh diberi peruntukan dalam bentuk intervensi termasuk PdP untuk memantapkan proses pengajian mereka selanjutnya.

## 2. Skop

Dasar ini meliputi pelajar yang telah diterima dalam program yang ditawarkan oleh UKM dalam situasi-situasi berikut seperti yang diperincikan dalam Garis Panduan Program Perantara Akademik (**rujuk Lampiran A**).

## 3. Strategi

Strategi yang boleh dilakukan:

- 3.1 Merancang Program Perantara Akademik untuk pelajar mengikuti program yang diluluskan;
- 3.2 Mereka bentuk program selaras dengan keperluan pembelajaran pelajar;
- 3.3 Penyediaan kandungan kursus yang diturunkan aras kesukaran bagi menyetarakan kefahaman sebelum dan kandungan yang bakal dipelajari.
- 3.4 Memberikan *off-level test* kepada pelajar bagi mengenal pasti tahap kebolehan sebelum pelajar memasuki program pengantara akademik. *Off-level test* ialah satu ujian yang menguji pelajar yang berada di satu peringkat gred dengan penilaian yang melebihi atau di bawah tahap gred semasa pelajar berkenaan. Sebagai contoh pelajar diberi *off level-test* yang merangkumi pengajaran aras mudah, sederhana dan aras sukar bagi program yang akan diteruskan untuk mengukur tahap pemahaman akademik pelajar berkenaan.
- 3.5 Mengurangkan atau meminimumkan nilai kredit untuk kursus-kursus perantara (sebagai contoh bagi kursus yang asalnya mempunyai 3 jam kredit, dikurangkan kepada 2 jam kredit) bagi mengurangkan bebanan pelajar.
- 3.6 Untuk pelajar yang memerlukan intervensi proses PdP, adalah dicadangkan menjalani intervensi bimbingan dan kaunseling bagi menangani isu berkaitan masalah peribadi, pelajaran, penyesuaian, minat atau pemilihan kerjaya.
- 3.7 Menyediakan peluang *extended year* / lebih tahun atau semester kepada pelajar yang memerlukan intervensi yang lebih (contoh: pelajar berkeperluan khas dan isu psikologi yang kritikal). Perlu ditubuhkan jawatankuasa khas untuk pengesahan.
- 3.8 Fakulti perlu menyediakan program laluan pintas bagi pelajar-pelajar yang telah mempunyai pengetahuan tentang kursus-kursus yang ditawarkan supaya pelajar boleh mendaftar kursus-kursus yang lebih tinggi menerusi konsep

pecutan (sebagai contoh pelajar tahun satu telah menguasai kefahaman dan kemahiran dalam kursus-kursus tahun satu dan tahun dua, boleh dipecutkan kepada kursus tahun tiga atau peringkat lebih tinggi).

- 3.9 F/I/P harus memantau perkembangan selanjutnya bagi pelajar yang telah menamatkan program perantara atau PSAP agar pelajar ini mudah dijejaki perkembangan mereka dan untuk memberi sokongan berterusan sekiranya perlu.

#### **IV. FASA PENYAMPAIAN**

##### **A. PENGALAMAN PEMBELAJARAN MENYELURUH**

###### **1. Pembelajaran Terimbang**

Pembelajaran menyeluruh pelajar UKM amat penting dalam menghasilkan graduan yang seimbang dalam pencapaian akademik dan bukan akademik. Hal ini juga bertepatan dengan agenda Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dalam menghasilkan graduan yang seimbang dan holistik dalam semua aspek kehidupan. Panduan pembelajaran kurikulum dan kokurikulum dalam bentuk kursus-kursus peningkatan kompetensi melalui enam (6) domain Pendidikan Citra UKM (Citra 1 - Literasi Bahasa dan Komunikasi; Citra 2 - Pemikiran Kreatif dan Reka Cipta; Citra 3 - Literasi Sastera, Budaya dan Ketamadunan; Citra 4 - Literasi Sains, Teknologi dan Kesihatan; Citra 5 - Keusahawanan dan Tanggungjawab Sosial; dan Citra 6 - Keterampilan Diri dan Pasukan) membuktikan komitmen UKM bagi mewujudkan ruang pembelajaran dan persekitaran pembelajaran yang seimbang.

Melalui Pendidikan Citra UKM, pelajar bebas memilih kursus-kursus Citra bagi melengkapkan sejumlah jam kredit mengikut 6 domain Pendidikan Citra sepanjang tempoh pengajian mereka di UKM. Tiada perbezaan jumlah jam kredit antara program profesional dengan bukan profesional. Bagi program profesional, pematuhan terhadap keperluan badan profesional atau mana-mana standard program yang terpakai untuk pengajian atau bidang tersebut mengatasi keperluan Pendidikan Citra UKM. Hal ini untuk memastikan Pendidikan Citra UKM tidak menjejaskan keperluan bidang dan akreditasi program berkenaan.

###### **1.1 Tujuan**

Pendidikan Citra UKM adalah bagi menghasilkan pelajar yang seimbang dalam semua aspek kehidupan bagi mencapai tujuan berikut:

- 1.1.1 Pembentukan minda, menanamkan nilai-nilai murni dan membangunkan sahsiah diri pelajar yang peka terhadap keperluan masyarakat sekelilingnya;
- 1.1.2 Mempunyai jati diri kebangsaan dan semangat cintakan negara melebihi kepentingan diri sendiri;
- 1.1.3 Berupaya menghargai ilmu pengetahuan dalam pelbagai bidang, tidak hanya tertumpu kepada bidang ilmu pengetahuan yang diikuti melalui program akademik; dan
- 1.1.4 Membentuk pelajar yang mampu membanggakan UKM melalui peranannya dalam kelompok profesional dan masyarakat umum.

## **1.2 Skop**

Skop pendidikan Citra UKM meliputi kursus Wajib Universiti dan kursus Wajib Citra. Terminologi wajib ini adalah merujuk kepada jumlah keseluruhan jam kredit yang perlu diambil oleh pelajar, kecuali bagi kursus Wajib Universiti, iaitu kursus-kursus yang perlu diambil oleh pelajar bagi memenuhi agenda nasional negara seperti kursus-kursus Tamadun Islam dan Tamadun Asia (TITAS), Hubungan Etnik, Asas Keusahawanan dan Kokurikulum Berkredit. Kursus Wajib Citra terdiri daripada pelbagai kursus yang ditawarkan dalam setiap Domain Pendidikan Citra dan pelajar bebas memilih untuk mengambil mana-mana kursus yang ditawarkan oleh mana-mana F/I/P sepanjang tempoh pengajian mereka di UKM. Hal ini bagi memberikan keluwesan dan kuasa memilih kepada pelajar dalam membentuk sendiri pengalaman pembelajaran menyeluruhnya di UKM.

## **1.3 Strategi**

Strategi pelaksanaan Pendidikan Citra UKM adalah bagi mewujudkan persekitaran penawaran kursus oleh mana-mana F/I/P yang bersifat rentas fakulti dan rentas ilmi/disiplin, melalui saluran berikut:

- 1.3.1 Setiap program akademik menawarkan kursus-kursus yang bersifat sepunya yang tidak terlalu spesifik-disiplin dan ditawarkan sebagai kursus Citra;
- 1.3.2 Pembentukan kursus baharu oleh mana-mana F/I/P untuk dijadikan sebagai kursus Citra;

- 1.3.3 Pembentukan kursus baharu oleh mana-mana ahli akademik UKM untuk dijadikan sebagai kursus Citra; dan
- 1.3.4 Penyetaraan kursus sedia ada bagi memenuhi keperluan kursus Citra: dan
- 1.3.5 Penilaian kursus Citra menekankan kepada domain psikomotor dan afektif. Setiap kursus Citra harus mempunyai kaedah penilaiannya yang sejajar dengan KKM/MQF 2.0.

Strategi pelaksanaan Pendidikan Citra UKM untuk pelajar pascasiswazah dilaksanakan melalui penawaran kursus Kaedah Penyelidikan yang wajib diambil oleh semua pelajar pasca siswazah. Kursus ini yang bersifat rentas fakulti dan rentas ilmu/disiplin boleh ditawarkan oleh mana-mana F/I/P untuk manfaat bersama-sama beberapa F/I/P mengikut gugusan (sains sosial, sains dan sains kesihatan). Kursus ini meningkatkan kompetensi pelajar dengan cara berikut:

- 1.3.6 Memperkenalkan pelajar kepada kaedah penyelidikan yang boleh digunakan untuk penyelidikan akademik dan profesional dengan mengkaji aplikasi, kekuatan dan kelemahan kaedah penyelidikan yang berbentuk kuantitatif dan kualitatif
- 1.3.7 Melatih pelajar untuk mereka bentuk dan mengaplikasi kaedah penyelidikan yang bersesuaian
- 1.3.8 Melatih pelajar menilai secara kritis hasil penyelidikan yang diterbitkan
- 1.3.9 Memperkenalkan pelajar kepada keusahawanan.

## **2. Infrastruktur**

Pengalaman pembelajaran menyeluruh merujuk kepada pengalaman yang dilalui oleh seseorang pelajar dalam pelbagai ruang dan masa sepanjang pengajian di UKM. Pengalaman ini adalah amat penting bagi mencapai matlamat pendidikan seperti yang dihasratkan oleh UKM. Pengalaman pembelajaran mencakupi makna yang luas dan berbeza mengikut individu pelajar seperti berikut:

- (a) tahap pengajian sama ada prasiswazah atau pascasiswazah;
- (b) mod penawaran sama ada sepenuh atau separuh masa; dan

- (c) ruang pembelajaran di dalam atau di luar universiti serta ruang pembelajaran maya.

## **2.1 Tujuan**

Untuk menyediakan panduan dan meningkatkan kesedaran dalam menyediakan persekitaran, suasana dan sokongan kepada semua pelajar dalam suasana yang kondusif supaya mereka:

- 2.1.1 Mencapai HPP seperti yang ditetapkan dan merealisasikan Matlamat Pendidikan UKM;
- 2.1.2 Selesa untuk menimba pengalaman yang membina diri mereka dari segi pengetahuan, kemahiran, sikap dan kerohanian bagi menyerlahkan potensi diri masing-masing secara optimum;
- 2.1.3 Memperoleh pengalaman pembelajaran sejajar dengan keperluan kerjaya dan keperluan mereka untuk meraih kejayaan seterusnya pada masa hadapan;
- 2.1.4 Melalui pengalaman pembelajaran yang menyeluruh ke arah pembentukan keperibadian yang unggul untuk mengharungi kehidupan masa depan; dan
- 2.1.5 Melalui pengalaman pembelajaran yang membina jati diri dan sifat-sifat keusahawanan berinovasi yang mampu bersaing di peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa.

## **2.2 Skop**

Strategi pelaksanaan dasar ini mengambil kira 13 aspek ruang pembelajaran iaitu:

- 2.2.1 Ruang pembelajaran di kolej kediaman;
- 2.2.2 Ruang pembelajaran di fakulti;
- 2.2.3 Ruang pembelajaran sukan dan permainan;
- 2.2.4 Ruang pembelajaran bagi kursus Latihan Industri;
- 2.2.5 Ruang pembelajaran kursus kokurikulum dan aktiviti luar kurikulum;

- 2.2.6 Ruang pembelajaran dalam masyarakat melalui Kesukarelawanan Berteraskan Ilmu;
- 2.2.7 Ruang pembelajaran di alam maya dan persekitaran mudah alih (*mobile*);
- 2.2.8 Ruang pembelajaran seni dan kebudayaan;
- 2.2.9 Ruang pembelajaran Perpustakaan;
- 2.2.10 Ruang pembelajaran pengantarabangsaan;
- 2.2.11 Ruang pembelajaran keusahawanan dan inovasi;
- 2.2.12 Ruang pembelajaran makmal alami; dan
- 2.2.13 Ruang pembelajaran untuk kebolehcapaian pelajar dalam kategori orang kelainan upaya (OKU).

## 2.3 Strategi

Strategi bagi memperkasakan ruang pembelajaran adalah seperti berikut:

### 2.3.1 Ruang Pembelajaran di Kolej Kediaman.

Kolej kediaman merupakan tempat tinggal pelajar yang diuruskan oleh universiti. Kolej kediaman adalah juga tempat pembelajaran akademik dan pembinaan kompetensi. Kolej kediaman perlu menyediakan suatu ekosistem kolej yang dapat membina, mengembangkan dan memperkaya pengalaman pembelajaran pelajar di UKM secara keseluruhannya.

### 2.3.2 Ruang Pembelajaran di Fakulti/Institut/Pusat Akademik.

Pengalaman pembelajaran di fakulti/institut/pusat akademik perlu diperkaya sedemikian rupa ke arah memantapkan pengetahuan, kemahiran dan sikap dalam kalangan pelajar. Ruang pembelajaran konvensional atau futuristik haruslah menekankan pendekatan pembelajaran aktif semasa proses PdP. Pensyarah perlu berperanan sebagai pereka bentuk pengalaman pembelajaran bermakna ke arah perkembangan pelajar yang seimbang dan optimum. Antara perkara utama yang perlu dilakukan ialah:



- a. Memperkayakan pengalaman pembelajaran melalui penggunaan pelbagai kaedah pengajaran yang mengambil kira kepelbagaian pelajar;
- b. Mengutamakan pembelajaran berpusatkan pelajar dan penglibatan aktif pelajar sepanjang kelangsungan proses PdP;
- c. Melakukan inovasi dalam PdP melalui kajian tindakan;
- d. Menyepadukan hasil penyelidikan terkini dalam penyampaian PdP;
- e. Memperkukuh sistem mentor-mentee serta aktiviti-aktiviti lain yang berupa bimbingan serta mengukuhkan pencapaian pelajar.

### 2.3.3 Ruang Pembelajaran Sukan dan Permainan

Ruang sukan dan permainan bermaksud segala kemudahan tempat bersukan dan rekreasi di UKM termasuk di fakulti dan di kolej kediaman. Melalui sukan dan rekreasi di padang permainan, pelajar akan dapat membentuk sikap berdisiplin, beretika, bekerjasama, hormat-menghormati di samping sihat, cergas dan mempunyai semangat kesukanan yang tinggi. Aktiviti sukan dan rekreasi juga dapat membantu mengeratkan perpaduan dan semangat kekitaan dalam kalangan pelajar. Perkara berikut perlu diambil kira dalam memastikan ruang pembelajaran sukan dan permainan diperkasakan untuk PdP:

- a. Memperbanyak dan mempelbagaikan aktiviti sukan dan rekreasi secara bersama dengan warga UKM; dan
- b. Memaksimumkan penggunaan sumber dan infrastruktur sukan dan permainan yang sedia ada di samping mempertingkatkan selaras dengan perkembangan teknologi sukan semasa.

### 2.3.4 Ruang Pembelajaran Latihan Industri dan Komuniti.

Latihan Industri dan Komuniti (LIK) merupakan satu program yang menempatkan pelajar untuk menjalankan latihan praktikal, amali, klinikal atau kerja komuniti dalam satu-satu organisasi luar UKM yang dipilih dan diselia dalam jangka masa yang ditetapkan sebelum pelajar dianugerahi ijazah. Matlamat LIK adalah untuk mendedahkan pelajar kepada alam pekerjaan yang sebenar sambil mempraktikkan pengetahuan secara teori kepada

amalan serta mempertingkatkan pengetahuan dan kemahiran dalam bidang profesion masing-masing.

Antara perkara utama yang perlu diambil perhatian ialah:

- a. Ruang pembelajaran latihan industri perlu menyediakan pelajar pengalaman suasana pekerjaan sebenar dalam disiplin pengkhususan masing-masing;
- b. Memberikan ruang kepada pelajar untuk mengaplikasikan pengetahuan dan kemahiran yang telah diperolehi dengan agensi luar yang berkaitan;
- c. Memberikan peluang kepada pelajar untuk berinteraksi secara profesional dengan pelbagai lapisan pekerja; dan
- d. Menjalin hubungan profesionalisme antara UKM dengan agensi luar.

#### 2.3.5 Ruang Pembelajaran Kokurikulum dan Aktiviti Luar Kurikulum

Ruang pembelajaran kokurikulum dan aktiviti luar kurikulum merupakan ruang aktiviti pelajar di luar pembelajaran formal. Kursus-kursus kokurikulum ialah aktiviti pemboleh atau pemacu kepada pembelajaran sendiri pelajar yang bermatlamat ke arah pemerolehan ilmu pengetahuan dengan penekanan lebih kepada domain afektif dan psikomotor berbanding dengan domain kognitif di samping penekanan terhadap kemahiran generik. Pembelajaran kokurikulum diberikan nilai kredit yang berkadar dengan jam pembelajaran dan disusuli dengan proses pentaksiran yang telah ditetapkan, manakala pembelajaran luar kurikulum merujuk kepada pembelajaran bukan formal tanpa komitmen dan tanpa pentaksiran serta tidak diberikan nilai kredit. Penglibatan dalam aktiviti luar kurikulum memberikan penekanan kepada pembinaan kemahiran spesifik bagi meningkatkan tahap kompetensi pelajar, melalui kursus atau modul jangka pendek. Keterlibatan pelajar dalam aktiviti yang berteraskan kokurikulum dan luar kurikulum berupaya melatih mereka supaya lebih aktif terlibat dalam semua proses masyarakat, ekonomi, sosial dan politik. Kemahiran kompetensi tahap tinggi yang diperolehi melalui aktiviti luar kurikulum diharapkan mampu menjadikan pelajar UKM untuk lebih terkedepan dalam menyumbang kepada organisasi dan masyarakatnya.

### 2.3.6 Ruang Pembelajaran dalam Aktiviti Kemasyarakatan

Aktiviti kemasyarakatan melalui kesukarelawanan berteraskan ilmu ialah pelajar menjalankan sesuatu inisiatif keterlibatan masyarakat secara sukarela dalam suatu bidang dapat mengaplikasikan ilmu yang dipelajarinya di universiti untuk peningkatan kesejahteraan hidup masyarakat di dalam dan di luar negara. Penglibatan pelajar dalam inisiatif kesukarelawanan berteraskan ilmu boleh menyediakan peluang untuk pembelajaran berdasarkan pengalaman (*experiential learning*) yang amat bernilai dalam peningkatan kompetensi generik dan kebolehpasaran graduan, dan seterusnya melahirkan graduan UKM yang berjiwa murni serta mempunyai tanggungjawab sosial dan dapat menyumbang kepada pembangunan komuniti. Dalam konteks ini pelajar akan sedar kesignifikan peranan yang perlu dimainkannya dalam memajukan masyarakat secara keseluruhannya.

Langkah-langkah yang boleh diambil bagi meningkatkan pembelajaran lagi melalui ruang pembelajaran dalam aktiviti kemasyarakatan masyarakat melalui kesukarelawanan berteraskan ilmu iaitu:

- a. Menggalakkan pelajar menjalankan aktiviti yang berorientasikan kemasyarakatan;
- b. Memahami aspek budaya, nilai dan kepercayaan masyarakat berbilang kaum; dan
- c. Menggalakkan pelajar supaya mengambil peluang dan menimba sebanyak mungkin pengalaman dan ilmu yang tidak formal melalui penglibatan aktif dalam aktiviti kemasyarakatan.

Program keterlibatan dan kesukarelawanan berteraskan ilmu yang memenuhi kriteria seperti berikut digalakkan:

- a. Menyediakan peluang untuk pembelajaran berasaskan pengalaman yang amat bernilai dalam peningkatan kompetensi generik dan kebolehpasaran.
- b. Mencerminkan tahap penglibatan komuniti yang bermakna sepanjang aktiviti, contohnya melakukan perundingan dengan ahli komuniti, menjalankan analisis aset dan keperluan, dan menjalankan intervensi untuk pemerkasaan ahli komuniti,
- c. Melibatkan pelbagai pihak berkepentingan dalaman dan luar universiti seperti kakitangan, pelajar, NGO, industri, yayasan dan agensi kerajaan.

- d. Memenuhi keperluan tertentu dalam komuniti sasaran, contohnya pemindahan ilmu, perkongsian ilmu atau peningkatan kesedaran yang meningkatkan sosioekonomi, kesihatan, pendidikan, teknologi dan persekitaran.
- e. Mempunyai potensi kelestarian dan replikasi melalui pemerksaan ahli komuniti, contohnya menjalankan skim latihan untuk pelatih dan mewujudkan “jaguh masyarakat” untuk meneruskan projek.
- f. Melahirkan graduan UKM yang berjiwa murni serta mempunyai kesedaran dan tanggungjawab sosial.
- g. Meningkatkan imej UKM di peringkat kebangsaan, serantau dan antarabangsa melalui perkongsian pintar dan pemindahan ilmu dua-hala.

### 2.3.7 Ruang Pembelajaran Maya/Mudah Alih

Ruang pembelajaran maya atau mudah alih merujuk kepada ruang e-pembelajaran yang disediakan untuk menyokong pembelajaran pelajar. Untuk memastikan ruang pembelajaran ini digunakan secara optimum, pelajar dan pensyarah perlu dilengkapi dengan kemahiran yang diperlukan untuk menyediakan pengalaman pembelajaran secara “pembelajaran teradun” (*blended learning*), “kelas terbalik” (*flipped classroom*), pembelajaran melalui MOOC (mobile open online courses), “ruang pembelajaran poket” (*pocket learning space*), sumber pendidikan terbuka dan kiosk pembelajaran.

Pembelajaran Maya harus memanfaatkan sumber-sumber media sosial dan sumber-sumber terkini seperti Kecerdasan Buatan Generatif (Generative AI).

### 2.3.8 Ruang Pembelajaran Seni dan Budaya

Pembelajaran melalui ruang seni dan budaya merujuk kepada pembelajaran yang formal dan tidak formal melalui penglibatan pelajar dalam aktiviti kesenian dan kebudayaan. Ruang seni dan budaya merangkumi infrastruktur dan kemudahan yang memupuk perkembangan kesenian dan kebudayaan. Penekanan kepada pembelajaran dalam ruang ini dijangkakan bakal melahirkan graduan yang peka kepada persekitaran budaya serta menjadi tunjang untuk kelangsungan seni dan budaya. Langkah yang perlu diambil bagi menggalakkan pembelajaran melalui ruang seni dan budaya ialah:

- a. Mewujudkan lebih banyak ruang untuk pelajar menjalankan dan menyerlahkan bakat seni melalui aktiviti kesenian di dalam kampus; dan
- b. Mempelbagaikan aktiviti kesenian dan kebudayaan merentas kepelbagaian budaya dan latar belakang pelajar.

### 2.3.9 Ruang Pembelajaran Perpustakaan

Ruang perpustakaan merujuk kepada segala kemudahan dan perkhidmatan yang disediakan oleh Perpustakaan UKM. Ruang ini menyediakan pengalaman pembelajaran dari segi koleksi ilmu pengetahuan, penyelidikan, integrasi ilmu, penciptaan ilmu baharu mahupun aplikasi ilmu. Perkara berikut perlu diambil kira dalam memperkasakan ruang pembelajaran perpustakaan:

- a. Memaksimumkan penggunaan perpustakaan melalui penyediaan bahan bacaan dalam bentuk fizikal dan digital;
- b. Merancang dan mempelbagaikan aktiviti pembelajaran untuk pelajar di perpustakaan dan di muzium;
- c. Meningkatkan kemahiran kakitangan dan kualiti perkhidmatan perpustakaan; dan
- d. Membina kemahiran pelajar menggunakan sumber maklumat yang disediakan melalui program literasi maklumat.
- e. Menjadikan perpustakaan sebagai tempat pertemuan pelbagai disiplin bagi menjana idea baru.

### 2.3.10 Ruang Pembelajaran melalui Aktiviti Pengantarabangsaan

Ruang pembelajaran melalui aktiviti pengantarabangsaan merujuk kepada pelajar memperoleh pengalaman dan manfaat yang besar melalui aktiviti kepelbagaian dan percampuran budaya serta adat resam dalam kalangan pelajar dari dalam dan luar negara. Proses ini memperkayakan pengalaman pembelajaran pelajar ke arah menghasilkan pelajar yang berfikiran terbuka dan global.

Aktiviti pengantarabangsaan boleh diperkayakan dengan:

- a. Memperbanyak program kerjasama, ijazah berkembar dan program pertukaran pelajar dengan universiti di luar negara;
- b. Meningkatkan jumlah kehadiran pelajar antarabangsa;
- c. Menambah penubuhan pejabat antarabangsa UKM di luar negara yang melibatkan program pertukaran pelajar;
- d. Menggalakkan pelajar menjalani latihan industri, projek ilmiah atau penyelidikan di luar negara;
- e. Menggalakkan aktiviti mobiliti pelajar keluar dan masuk; dan
- f. Memperkaya pengalaman pembelajaran pelajar dengan melantik pengajar antarabangsa dan menghantar pengajar ke luar negara.

#### 2.3.11 Ruang Pembelajaran Keusahawanan dan Inovasi

Dalam usaha untuk melahirkan para pelajar yang mempunyai kecenderungan menceburi bidang keusahawanan, adalah penting bagi pihak universiti menyediakan ekosistem keusahawanan yang lengkap agar para pelajar dapat didedahkan kepada dunia keusahawanan sejak di universiti lagi. Bagi tujuan ini, adalah penting bagi pihak universiti untuk menyediakan ruang yang bersesuaian yang dapat memangkin minat para pelajar. Antaranya adalah:

- a. ruang kerja bersama (*co-working space*)
- b. inkubator perniagaan bagi syarikat pemula pelajar
- c. makmal pencipta (*maker's lab*)
- d. premis perniagaan

Pada peringkat asas, ruang pembelajaran inovasi dan keusahawanan menumpukan kepada usaha memberikan pendedahan ilmu asas keusahawanan kepada pelajar serta memupuk minat dan pemikiran keusahawanan khususnya kreativiti dan inovasi. Pemeraksanaan ruang pembelajaran inovasi dan keusahawanan boleh dilakukan melalui pembelajaran secara pengalaman yang menekankan kepada aktiviti berikut:

- a. Menekankan pembinaan kerja berpasukan dan kepimpinan;
- b. Menjana pengetahuan asas keusahawanan seperti strategi dan pengurusan serta kewangan;
- c. Membina kemahiran pembentangan lisan melalui promosi produk yang dihasilkan; dan
- d. Menyediakan ruang pembelajaran untuk pelajar sehingga boleh menjadi usahawan.

Pada peringkat lanjutan pula, ruang pembelajaran keusahawanan lanjutan memberikan ruang dan peluang kepada seluruh pelajar untuk menerokai dan menceburi bidang keusahawanan sebenar. Pelajar perlu membangunkan perniagaan sehingga boleh mendaftarkan perniagaan di Suruhanjaya Syarikat Malaysia. Hal ini melibatkan aktiviti berikut:

- a. Mempelajari teori keusahawanan secara praktikal;
- b. Mempraktikkan keusahawanan di ruang pembelajaran sehingga menjadi usahawan yang bersifat inkubator seperti di kolej atau di ruangan yang disediakan di dalam universiti;
- c. Mempelajari secara langsung daripada mentor di industri;
- d. Menghasilkan produk yang inovatif dan kreatif bukan hanya dari segi dapatan penyelidikan yang bersesuaian dengan keperluan semasa dan kehendak pelanggan; dan
- e. Membuat lontaran tuntas bicara kepada panel agensi berkaitan dalam mempromosikan produk.

### 2.3.12 Ruang Pembelajaran Makmal Alami

Makmal alami (*living laboratory*) merujuk kepada satu pusat mesra pengguna, ekosistem mesra inovasi yang beroperasi di dalam satu kawasan seperti bandar, pinggir bandar atau rantau. Makmal alami boleh dikategorikan kepada makmal alami untuk penyelidikan, makmal alami untuk pembelajaran, makmal alami untuk aktiviti khidmat dan makmal alami untuk aktiviti kerohanian. Makmal alami perlu menyediakan ruang untuk perkongsian antara orang awam dengan pihak persendirian/institusi bagi

berlangsungnya aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan proses pembelajaran termasuk juga aktiviti penyelidikan, khidmat dan kerohanian.

Makmal alami perlu mempunyai ciri berikut:

- a. Penglibatan pihak berkepentingan iaitu syarikat, akademik, sektor awam, dan badan sivik serta pelanggan;
- b. Kolaborasi dalam penjanaan hasil bermula daripada idea hingga ke pasaran;
- c. Hasil yang bermanfaat daripada syarikat, akademik, sektor awam, badan sivik dan pelanggan;
- d. Berada di dalam persekitaran sebenar yang mempunyai ciri-ciri bandar, pinggir bandar, luar bandar atau kawasan terpencil dan mempunyai jaringan maya iaitu jaringan sebagai sebuah rantau dalam geografi maya; dan
- e. Berada dalam domain yang pelbagai konteks dari segi peranan dan operasi.

### 2.3.13 Ruang Pembelajaran untuk Kebolehcapaian OKU

Ruang pembelajaran untuk kebolehcapaian OKU merujuk kepada kemudahan dan sokongan yang mesra OKU. OKU pula merujuk kepada orang yang mempunyai kekurangan jangka panjang dari segi mental, fizikal, intelektual atau deria yang apabila berinteraksi dengan pelbagai halangan boleh menyekat mereka daripada penyertaan penuh dan berkesan dalam masyarakat.

Antara kemudahan dan sokongan kepada pelajar OKU yang perlu disediakan adalah seperti parkir kereta khas, tandas khas, laluan kerusi roda dan laluan pejalan kaki khas. Selain itu, sokongan dan bantuan sepanjang proses pembelajaran pelajar OKU juga perlu disediakan seperti pembantu rakan sebaya, alat bantuan pembelajaran OKU dan jurubahasa isyarat untuk OKU.

UKM perlu mematuhi Bab 6: Garis Panduan Keperluan Akses Untuk Orang Kelainan Upaya (OKU) dalam Garis Panduan dan Peraturan bagi Perancangan Bangunan oleh Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri. Garis panduan lain yang perlu dipatuhi ialah GP-01-5: Garis Panduan Perancangan Reka Bentuk Sejagat (Universal Design) oleh



SIRIM, Principles of Universal Design oleh UNESCO dan W3C Web Accessibility Initiative (WAI) serta Web Content Accessibility Guidelines (WCAG) 2.0 oleh Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU).

## **B. PEMBELAJARAN BERPUSATKAN PELAJAR**

Pembelajaran berpusatkan pelajar ialah satu pendekatan pembelajaran yang memberikan autonomi kepada keperluan pelajar untuk merancang strategi pembelajaran, pentaksiran dan tahap kadar pembelajaran sendiri untuk mencapai hasil pembelajaran seperti yang telah ditetapkan. Dalam melaksanakannya, pelajar digalakkan menggunakan sepenuhnya atau mengeksploitasi sepenuhnya persekitaran dan entiti di persekitarannya, ruang dan persekitaran fizikal dan digital, dan peluang untuk mencipta pengalaman pembelajaran sendiri sesama rakan sebaya dengan bimbingan pensyarah.

### **1. Tujuan**

Untuk memastikan pendekatan pembelajaran yang berkesan ke arah pencapaian HPP dan Matlamat Pendidikan yang ditetapkan. Dalam konteks jangka masa panjang, persekitaran pembelajaran berpusatkan pelajar akan dapat melahirkan graduan yang bukan hanya mempunyai kemahiran pembelajaran sepanjang hayat, malahan membentuk graduan yang berdikari dan beretika sejajar dengan tuntutan profesionalisme dan pelaksanaan kurikulum berasaskan hasil.

### **2. Skop**

Skop pembelajaran berpusatkan pelajar meliputi penetapan hasil pembelajaran, reka bentuk kurikulum, pelaksanaan proses PdP serta strategi pentaksiran yang digunakan dalam menilai proses pembelajaran yang telah berlaku.

### **3. Strategi**

Strategi yang perlu dilaksanakan ialah:

- 3.1 Penawaran program akademik yang meningkatkan tahap, mengambil kira keperluan kebolehpasaran graduan kerja semasa dan masa depan serta mengambil kira input pihak yang berkepentingan dalam penggubalan kurikulum;

- 3.2 Pengiraan kredit dan jam pembelajaran kursus perlu dibuat mengikut pemberat aktiviti yang telah ditetapkan dengan mengambil kira semua aktiviti pembelajaran bersemuka dan dalam talian (segerak dan tidak segerak);
- 3.3 Penyediaan program akademik dan kokurikulum yang mempunyai ciri-ciri pembelajaran aktif dan kurikulum tersedia masa hadapan;
- 3.4 Penjajaran konstruktif perlu dipastikan dalam semua aktiviti pembelajaran. Pendekatan konstruktivisme perlu dijadikan asas kepada semua aktiviti pembelajaran di mana pelajar sendiri yang mencari pengetahuannya, kemahirannya dan makna kepada pembelajarannya.
- 3.5 Pengajar menjadi pemudah cara proses pembelajaran berpusatkan pelajar di dalam ruang dan persekitaran fizikal dan digital.
- 3.6 Pengajar membantu mengadakan sesi *debriefing* atau refleksi berpandu bagi menghasilkan pembelajaran bermakna kepada pelajar.
- 3.7 Pelajar bertanggungjawab menentukan strategi pembelajaran yang terbaik dengan mengambil kira keperluan masing-masing atas nasihat dan tunjuk ajar pengajar untuk mencapai hasil pembelajaran dengan memanfaatkan pelbagai sumber di persekitarannya; dan
- 3.8 Membenarkan penggunaan teknologi terkini sebagai sokongan kepada proses PdP seperti kecerdasan buatan, elemen industri 4.0 dan seumpamanya.
- 3.9 Memantapkan pengalaman pembelajaran dengan menggalakkan keserjanaan PdP.
- 3.10 Perkembangan dan pencapaian hasil pembelajaran pelajar hendaklah direkodkan dalam portfolio pengajaran oleh pengajar dan dimaklumkan kepada pelajar dari semasa ke semasa.

### **C. PEMBELAJARAN SEPANJANG HAYAT**

Pembelajaran sepanjang hayat merupakan segala aktiviti pembelajaran sepanjang hayat, dengan matlamat untuk meningkatkan pengetahuan, kemahiran dan kompetensi dalam lingkungan peribadi, sivik, sosial dan/atau perspektif berkaitan pekerjaan. Pembelajaran sepanjang hayat meliputi pemberian peluang kedua oleh institusi pendidikan bagi menambahkan kemahiran asas dan menawarkan peluang pembelajaran pada peringkat yang lebih tinggi.

Sebagai sebuah institusi pendidikan tinggi, UKM memperuntukkan sistem formal yang lebih terbuka dan fleksibel supaya peluang pembelajaran boleh ditawarkan kepada pelajar yang berpotensi.

## 1. Tujuan

Untuk memastikan UKM memberikan peluang yang lebih luas kepada calon-calon pelajar yang terdiri daripada pelbagai latar pendidikan termasuk pembelajaran tidak formal dan bukan formal. Peluang ini boleh diberikan melalui saluran Pengakreditasi Pembelajaran Berasaskan Pengalaman Terdahulu (*Accreditation of Prior Experiential Learning*, APEL) dan pengumpulan kredit daripada kursus-kursus pendek yang telah diakreditasi (contohnya, sijil profesional dan micro-credential).

## 2. Skop

Meliputi saluran APEL yang terbuka untuk program ijazah sarjana muda, sarjana dan kedoktoran. Permohonan yang boleh dipertimbangkan ialah permohonan ke program pengajian yang melangkaui satu tahap lebih tinggi daripada kelayakan sebenar, contohnya daripada program diploma ke program ijazah sarjana muda atau daripada program ijazah sarjana ke program ijazah kedoktoran. Termasuk juga dalam skop ini ialah kredit yang telah diperolehi dari kursus-kursus yang terakreditasi.

2.1 UKM menguatkuasakan kriteria kemasukan seperti yang ditetapkan oleh MQA iaitu:

### 2.1.1 Program di Peringkat Ijazah Pertama

Calon hendaklah berumur 21 tahun ke atas pada tahun permohonan dibuat serta memiliki pengalaman kerja yang berkaitan dan memiliki sijil APEL.A Tahap 6.

### 2.1.2 Program di Peringkat Ijazah Sarjana

Calon hendaklah berumur 30 tahun ke atas pada tahun permohonan dibuat, memiliki sekurang-kurangnya STPM/diploma/setara dengan pengalaman kerja yang berkaitan dan memiliki sijil APEL.A Tahap 7.

### 2.1.3 Program di Peringkat Kedoktoran

Calon hendaklah berumur 35 tahun ke atas pada tahun permohonan dibuat, memiliki sekurang-kurangnya Ijazah Pertama dalam bidang yang berkaitan atau setara, dengan 5 tahun pengalaman kerja yang berkaitan dan memiliki sijil APEL.A Tahap 8.

- 2.2 UKM juga perlu mematuhi prinsip-prinsip teras yang digariskan oleh MQA seperti berikut:
- 2.2.1 Pembelajaran berasaskan pengalaman terdahulu perlu diiktiraf tanpa mengambil kira cara dan tempat diperoleh, asalkan pembelajaran tersebut berkaitan dengan hasil pembelajaran atau kompetensi;
  - 2.2.2 Penilaian harus berdasarkan bukti, sama rata, tiada prasangka, adil, fleksibel, sah dan boleh dipercayai;
  - 2.2.3 Penilaian perlu dijalankan oleh pakar bidang bagi menilai isi kandungan subjek atau bidang kemahiran, dasar dan prosedur;
  - 2.2.4 Kaedah penilaian perlu mengandungi tahap literasi serta pengalaman para pelajar, justeru menyediakan cara-cara untuk pelajar menunjukkan hasil yang diperlukan.
  - 2.2.5 Keputusan perlu dipertanggungjawabkan, telus, serta tertakluk kepada rayuan dan ulasan;
  - 2.2.6 Maklumat dan perkhidmatan sokongan perlu dipromosikan secara aktif, mudah difahami dan mengenal pasti kepelbagaian para pelajar; dan
  - 2.2.7 Mekanisme penjaminan kualiti perlu jelas dan telus bagi memastikan keyakinan dalam keputusan.

### **3. Strategi**

- 3.1 UKM memastikan penilaian akreditasi pembelajaran terhadap proses saringan pemilihan pelajar dilaksanakan dengan cekap dan telus.
- 3.2 F/I/P menyediakan khidmat penerangan tentang panduan dan spesifikasi program APEL termasuk keperluan untuk menyediakan portfolio calon.
- 3.3 F/I/P menyediakan bantuan akademik bagi pelajar yang memerlukan.
- 3.4 Menyediakan kursus-kursus pendek yang terakreditasi (contohnya, sijil profesional dan micro-credential).
- 3.5 Mewujudkan bank kredit untuk menyimpan kredit yang diperoleh dari kursus-kursus yang terakreditasi.

## **D. e-PEMBELAJARAN**

e-Pembelajaran merupakan persekitaran elektronik berpusatkan pelajar yang bertujuan untuk meningkatkan keberkesanan proses dan prestasi PdP. Persekitaran ini menjadi popular dalam era ICT bagi mencapai hasrat negara dalam membentuk masyarakat berpengetahuan. e-Pembelajaran juga membolehkan UKM menghasilkan graduan yang kompeten, berdaya saing dan inovatif dan seterusnya mencapai kecemerlangan dalam pendidikan tinggi. Oleh itu, UKM sebagai sebuah institusi terkemuka perlu berubah, bersaing di peringkat global dan menerapkan budaya penggunaan pengetahuan yang optimum. Dalam konteks ini, strategi persaingannya adalah melalui pembangunan dan pengukuhan e-Pembelajaran dalam produk dan perkhidmatan akademik, iaitu graduan dan program pengajian UKM.

### **1. Tujuan**

Pelaksanaan e-Pembelajaran UKM adalah selaras dengan Dasar e-Pembelajaran Negara (DePAN 2.0), yang dibangunkan berdasarkan salah satu inisiatif Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pengajian Tinggi), iaitu Pembelajaran dalam Talian secara Global (*Globalised Online Learning – GOL*). Dalam konteks pengendalian program pengajian berdasarkan GOL, e-Pembelajaran memainkan peranan yang sangat penting dalam menyediakan pembelajaran terarah sendiri secara terancang dan tersusun bagi memantau dan menilai jam kontak pembelajaran pelajar secara efektif dan inovatif.

### **2. Skop**

Skop Dasar e-Pembelajaran mengandungi komponen seperti berikut:

- 2.1 Infrastruktur dan Infostruktur;
- 2.2 Governans;
- 2.3 Pedagogi (termasuk sibergogi, andragogi, dan peeragogi) dalam talian;
- 2.4 e-kandungan;
- 2.5 e-sumber;
- 2.6 Perkembangan Profesional; dan
- 2.7 Pembudayaan.

### 3. Strategi

Setiap domain di atas mempunyai tiga bidang fokus dan setiap bidang fokus pula mempunyai beberapa petunjuk prestasi utama (KPI) yang perlu dilaksanakan dan dicapai mengikut fasa yang ditetapkan seperti berikut:

(a) Fasa Permulaan (2015-2016).

- i. Rujuk: Malaysia Education Blueprint

(b) Fasa Pengisian (2017-2019).

(c) Fasa Kelestarian (2020).

Kaedah pelaksanaan e-Pembelajaran UKM berdasarkan KPI yang perlu dicapai bagi setiap domain seperti berikut:

#### 3.1 Infrastruktur dan Infostruktur.

Domain ini memberikan tumpuan kepada tiga bidang fokus seperti berikut:

- i. Internet dan liputan Wi-Fi.
- ii. Platform e-pembelajaran.
- iii. Peralatan dan Perisian ICT.

Strategi pelaksanaannya :

- i. Menambah kapasiti jalur lebar Internet supaya dapat menyalurkan video berkualiti SD (*standard definition*) dan HD (*high definition*) yang boleh dicapai oleh warga UKM;
- ii. Membangunkan platform e-pembelajaran untuk pelaksanaan MOOC (*massive open online courses*) dan m-pembelajaran atau pembelajaran bergerak (*mobile learning*);
- iii. Memastikan kecukupan peralatan dan perisian ICT untuk tujuan pembelajaran di atas.

### 3.2 Governans

Domain ini memberikan tumpuan kepada tiga bidang fokus seperti berikut:

- i. Polisi dan Pelan Tindakan
- ii. Kepimpinan dan Unit e-Pembelajaran
- iii. Sumber Manusia dan Peruntukan Kewangan

Strategi pelaksanaannya:

- i. Mewujudkan pelan tindakan e-Pembelajaran komprehensif yang ditanda aras dengan standard antarabangsa;
- ii. Memastikan unit e-pembelajaran diketuai oleh kakitangan kompeten dan boleh mengembangkan kolaborasi dengan pihak dalam dan luar UKM; dan
- iii. Memperuntukkan sumber manusia yang berkelayakan dan kompeten serta peruntukan kewangan yang sesuai dengan aktiviti yang bakal dijalankan.

### 3.3 Pedagogi dalam talian.

Domain ini memberikan tumpuan kepada tiga bidang fokus seperti berikut:

- i. Pembelajaran teradun vs pembelajaran hibrid (hybrid learning) pembelajaran dalam talian
- ii. Kursus Terbuka
- iii. e-Pentaksiran

Strategi pelaksanaannya :

- i. Memantau bilangan kursus yang mempunyai komponen pembelajaran teradun;
- ii. Memantau bilangan kursus yang ditawarkan melalui MOOC secara terbuka pada setiap sesi akademik; dan

- iii. Micro-credentials
- iv. Memantau penggunaan e-pentaksiran dalam pembelajaran teradun.

### 3.4 e-Kandungan

Domain ini memberikan tumpuan kepada tiga bidang fokus seperti berikut:

- i. e-Kandungan Asli
- ii. e-Kandungan Terbuka - OER / creative commons / hakcipta dari UKM
- iii. Piawai e-Kandungan

Strategi pelaksanaannya:

- i. Memantau keaslian e-kandungan dalam kursus yang ditawarkan;
- ii. Memantau bilangan kursus yang mengandungi e-kandungan asli yang ditawarkan secara terbuka
- iii. Mewujudkan standard e-kandungan yang disetarakan dengan standard antarabangsa.

### 3.5 e-Sumber

Domain ini meliputi sumber maklumat elektronik di perpustakaan (dilanggan dan dibangunkan secara dalaman) yang boleh dicapai melalui pengenalan pengguna (ID) dan kata laluan atau secara terbuka. Domain ini dikategorikan seperti berikut:

- i. Pangkalan data langganan (e-jurnal, e-buku, e-tesis, dan lain-lain)
- ii. Repositori (penerbitan warga universiti dan koleksi digital)
- iii. Sumber akses terbuka

Strategi pelaksanaannya:

- i. Memantau kandungan e-sumber yang dilanggan bagi memastikannya menepati keperluan bidang yang ditawarkan;



- ii. Memantapkan platform akses e-sumber dan mempromosikannya;
- iii. Memperkasakan modul kemahiran teknologi maklumat yang bersesuaian; dan
- iv. Menjalankan latihan siberagogi untuk pensyarah;
- v. Memantau, menganalisis dan melaporkan penggunaan sumber.

### 3.6 Perkembangan Profesional

Domain ini memberikan tumpuan kepada tiga bidang fokus seperti berikut:

- i. Pengetahuan
- ii. Kemahiran
- iii. Amalan

Strategi pelaksanaannya adalah:

- i. Meningkatkan tahap pengetahuan kakitangan akademik berkaitan TPACK (*Technological Pedagogical Content Knowledge*) dan kemahiran e-Pembelajaran asas dan lanjutan;
- ii. Meningkatkan kemahiran e-pembelajaran dalam kalangan pelajar termasuk kemampuan memanipulasi dan menghasilkan kandungan e-pembelajarannya sendiri; dan
- iii. Memantau bilangan kakitangan akademik yang menjadi pengamal pembelajaran teradun dan yang menjalankan penyelidikan dan pembangunan berkaitan bidang ini.
- iv. staf sokongan – upskill

### 3.7 Pembudayaan

Domain ini memberikan tumpuan kepada tiga bidang fokus seperti berikut:

- i. Pembudayaan
- ii. Pengiktirafan
- iii. Kesetaraan Penerbitan

Strategi pelaksanaannya:

- i. Memantau peranan pensyarah dan pelajar sebagai pengguna, penyumbang dan inovator;
- ii. Mewujudkan mekanisme pengiktirafan kepada penggerak e-pembelajaran di peringkat UKM yang boleh bersaing di peringkat kebangsaan dan antarabangsa;
- iii. Mewujudkan dan melaksanakan garis panduan dan mekanisme penyetaraan e-kandungan dengan penerbitan.
- iv. Mewujudkan satu mekanisme maklum balas bagi mendapat pandangan pengguna tentang keberkesanan dan penambahbaikan yang boleh dilakukan.

## **E. ETIKA PENULISAN AKADEMIK**

Semasa seseorang melakukan penulisan akademik, beliau harus menekankan etika penulisan yang baik. Penulisan yang beretika merupakan penulisan yang dapat membentangkan sesuatu perkara itu dengan jelas, menambah ilmu kepada pembaca, merangsangkan pemikiran kritis dan dapat menghasilkan sesuatu penulisan berkualiti kepada pembaca. Semasa penulisan, penulis harus peka akan perkara-perkara yang boleh merosakkan sesuatu hasil penulisan dan ini termasuk isu-isu seperti plagiarisme, pemalsuan, fabrikasi, salah laku kepengarangan dan percanggahan kepentingan dalam kalangan warga universiti.

### **1. Tujuan**

Dasar ini bertujuan untuk memberikan garis panduan dan meningkatkan kesedaran mengenai etika penulisan dan penerbitan.

### **2. Skop**

- 2.1 Plagiarisme: Perbuatan mengambil idea, proses, hasil dapatan, penulisan tanpa merujuk sumber rujukan yang asal dan mengakui sebagai hasil kerja sendiri;
- 2.2 Pemalsuan: Perlakuan memanipulasi hasil penyelidikan atau proses atau menukar atau mengeluarkan data keputusan supaya hasil penyelidikan tidak mencerminkan hasil yang sebenarnya;

- 2.3 Fabrikasi: Perlakuan untuk mewujudkan data, merekod atau melaporkan data/ keputusan yang tidak wujud;
- 2.4 Salah laku kepengarangan: Tidak memberikan sumbangan yang bererti dalam memberi konsep dan reka bentuk atau menganalisis dan mentafsir data, merangka makalah atau menyemaknya secara kritikal terhadap kandungan intelektualnya, dan mengesahkan naskhah makalah tersebut sebelum diserahkan untuk penerbitan; dan
- 2.5 Percanggahan kepentingan: Percanggahan kepentingan berlaku kepada mereka yang terlibat dalam proses penilaian rakan kepakaran, termasuk sebagai pewasit yang menilai sesebuah manuskrip, sekiranya mereka terlibat dalam sesuatu langkah atau kegiatan yang mempengaruhi pengadilan yang dilakukan. Percanggahan boleh melibatkan soal kewangan dengan pihak yang menaja sesuatu penyelidikan untuk keuntungan penaja dan penyelidik dengan membelakangkan kesahihan hasil kajian yang dijalankan.

### **3. Strategi**

#### **3.1 Peranan kakitangan**

Kakitangan boleh memainkan peranan untuk mengelakkan perbuatan memplagiat, memalsu dan memfabrikasi dalam kalangan pelajar. Salah laku yang telah digariskan untuk pensyarah UKM seperti dalam Buku Etika dan Amalan Cemerlang Akademik (2018). Antara peranan kakitangan:

- 3.1.1 Perlu mengetahui dan memahami Dasar Etika dan Integriti Penerbitan dan Penulisan UKM;
- 3.1.2 Perlu menjadi contoh dan teladan kepada pelajar dengan pensyarah sendiri mengelak daripada memplagiat, memalsu dan memfabrikasi dalam penulisan dan penghasilan bahan pengajaran;
- 3.1.3 Memastikan pelajar diberikan maklumat cara hendak mengelak daripada perbuatan memplagiat, memalsu dan memfabrikasi;
- 3.1.4 Memastikan Dasar Etika dan Integriti Penerbitan dan Penulisan UKM mudah diperoleh oleh pelajar;
- 3.1.5 Mengadakan ruang dan peluang untuk pelajar mengikuti kursus penulisan akademik agar pelajar memperoleh pengetahuan dan kemahiran untuk mengelakkan perbuatan plagiarisme, pemalsuan dan fabrikasi;

- 3.1.6 Memastikan penyerahan tugas, kertas projek dan tesis dilampirkan bersama surat perakuan pelajar bahawa pelajar memahami maksud plagiarisme, pemalsuan, fabrikasi dan semua rujukan dalam tugas telah dinyatakan sumbernya;
- 3.1.7 Membuat pelaporan kes etika dan integriti dalam penerbitan kepada universiti;
- 3.1.8 Memastikan semua makalah yang akan diterbitkan disemak sebaik-baiknya dengan menggunakan perisian antiplagiat; dan
- 3.1.9 Naib Canselor boleh menubuhkan jawatankuasa khas untuk menyiasat aduan berhubung dengan isu penulisan dan penerbitan.

## 3.2 Peranan pelajar

Semua pelajar bertanggungjawab bahawa hasil tugas dan penyelidikan termasuk tesis dan makalah adalah bebas daripada perbuatan memplagiat, memalsu dan memfabrikasi. Pelajar juga bertanggungjawab memastikan proses menjalankan penyelidikan mematuhi etika penyelidikan. Contoh salah laku yang lebih khusus telah digariskan untuk pelajar UKM dalam Kaedah-kaedah Universiti Kebangsaan Malaysia (Tatatertib Pelajar-Pelajar) 1999. Antara peranan pelajar termasuk:

- 3.2.1 Membaca, memahami dan mematuhi Dasar Etika dan Integriti Penerbitan dan Penulisan UKM;
- 3.2.2 Sentiasa peka terhadap plagiarisme, pemalsuan dan fabrikasi;
- 3.2.3 Menguasai kemahiran penulisan akademik melalui kursus atau proses pembelajaran dan pengajaran serta penyelidikan atau dengan penggunaan teknologi termaju seperti kecerdasan buatan generatif secara beretika tanpa mengamalkan unsur plagiat, pemalsuan atau fabrikasi;
- 3.2.4 Mendapatkan bantuan daripada pensyarah sekiranya meragui sama ada wujudnya unsur perbuatan memplagiat, memalsu dan memfabrikasi dalam tugas;
- 3.2.5 Melaporkan salah laku penulisan dan penerbitan kepada Universiti;
- 3.2.6 Mendapatkan kesahan bebas plagiarisme daripada Jawatankuasa Siswazah Fakulti/Institut; dan

3.2.7 Mendapatkan kelulusan Jawatankuasa Etika Penyelidikan Universiti.

## **F. LATIHAN INDUSTRI DAN KOMUNITI**

Latihan Industri dan Komuniti (LIK) merupakan satu program yang menempatkan pelajar untuk menjalani latihan praktikal, amali, klinikal atau kerja komuniti dalam satu-satu organisasi luar UKM yang dipilih dan diselia dalam jangka masa yang ditetapkan sebelum pelajar dianugerahi ijazah. Organisasi luar yang dimaksudkan boleh terdiri daripada syarikat-syarikat swasta, badan-badan kerajaan, badan-badan bukan kerajaan (NGO), sekolah-sekolah, hospital termasuk PPUKM, organisasi komuniti dan tempat-tempat lain yang diadili kewajarannya. Penempatan LIK boleh juga dilaksanakan dalam agensi-agensi UKM yang bersesuaian dengan matlamat LIK sekiranya usaha mencari penempatan LIK di organisasi luar tidak berjaya.

### **1. Tujuan**

- 1.1 Matlamat LIK adalah untuk mendedahkan pelajar kepada alam pekerjaan yang sebenar sambil mempraktikkan pengetahuan secara teori kepada amalan serta mempertingkatkan pengetahuan dan kemahiran dalam bidang profesion masing-masing. LIK juga bertujuan melahirkan pelajar yang mempunyai kompetensi dan kemahiran generik yang diperlukan oleh majikan di samping mendedahkan kepada pelajar pengalaman keusahawanan.
- 1.2 Objektif utama program LIK adalah untuk:
  - 1.2.1 Memberikan peluang kepada pelajar mengaplikasikan pengetahuan dan kemahiran akademik dalam alam pekerjaan sebenar;
  - 1.2.2 Memberikan peluang kepada pelajar belajar daripada pengamal dalam bidang masing-masing;
  - 1.2.3 Mempertingkatkan kemahiran generik dan profesional seperti kemahiran interpersonal, bekerja secara berkumpulan, kemahiran menyelesaikan masalah dan kemahiran keusahawanan;
  - 1.2.4 Menghayati nilai etika profesion masing-masing,
  - 1.2.5 Mempertingkatkan peluang pekerjaan;
  - 1.2.6 Memberikan pengalaman pembelajaran dalam dunia industri; dan

1.2.7 Merapatkan jalinan hubungan universiti dengan industri.

1.3 Setelah menyelesaikan LIK, pelajar berupaya:

1.3.1 Mempraktikkan teori dan pengetahuan akademik yang dipelajari di tempat kerja bawah penyeliaan;

1.3.2 Mempertingkatkan pengetahuan, kemahiran, sikap dan pengalaman praktikal yang berkaitan dengan bidang pengajian

1.3.3 Berinteraksi, berkomunikasi dan bekerja secara berkumpulan secara berkesan dengan pelbagai pihak;

1.3.4 Memberikan pandangan secara kritis, berkeyakinan, tuntas, inovatif dan mampu menyelesaikan masalah secara profesional;

1.3.5 Mempamerkan etika dan integriti yang tinggi dalam menjalankan tanggungjawab yang diberikan; dan

1.3.6 Menghayati pengurusan organisasi.

## 2. Skop

2.1 Semua pelajar peringkat sarjana muda termasuk pelajar antarabangsa di UKM diwajibkan menjalankan LIK bagi satu tempoh yang ditetapkan. Pelajar pascasiswazah pula digalakkan mengikuti latihan industri/komuniti;

2.2 Setiap fakulti perlu merangka skop latihan berpandukan kurikulum program akademik. Skop tugas hendaklah memberi peluang kepada pelajar untuk mengaplikasikan pengetahuan dan kemahiran yang dipelajari serta mendapat pendedahan amalan kerja dalam bidang masing-masing;

2.3 Latihan industri boleh diberikan jam kredit dengan latihan selama dua (2) minggu bersamaan dengan satu kredit. Jumlah jam kredit yang boleh diberikan tidak melebihi 12 kredit;

2.4 Tempoh minimum latihan industri dan komuniti ialah 10 minggu secara berterusan atau kumulatif. Pihak fakulti boleh menetapkan tempoh yang lebih panjang bergantung kepada keperluan pihak-pihak berkepentingan tertakluk kepada tempoh maksimum 24 minggu (bersamaan 12 kredit), atau tertakluk kepada kelulusan Senat;

- 2.5 Dengan kelulusan senat, fakulti boleh melaksanakan program akademik prasiswazah secara pelajar di dalam kampus (Student in Campus, SiC) dan/atau pelajar di luar kampus (Student off Campus, SoC) yang melaksanakan pembelajaran anjal di mana keberadaan pelajar boleh berada di universiti atau industri atau rumah.
- 2.6 Fakulti boleh juga melaksanakan tahun berjeda (*gap year*) yang bermaksud pelajar akan menyertai industri, NGO, badan-badan kerajaan atau pasukan beruniform, seperti angkatan tentera atau polis, antara 6 bulan hingga 1 tahun. Pelajar tidak mendapat apa-apa kredit tetapi tempoh tahun berjeda itu tidak menjejaskan tempoh maksimum pembelajarannya.
- 2.7 Pelajar boleh menjalani latihan industri dan komuniti seawal-awalnya pada tahun kedua pengajiannya dan tertakluk kepada syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh fakulti masing-masing;
- 2.8 Pelajar-pelajar yang pernah bekerja dalam bidang yang berkaitan dengan program yang diikuti boleh memohon pengecualian LIK. Kelulusan permohonan tertakluk kepada kriteria fakulti masing-masing
- 2.9 Pelajar boleh menjalani latihan industri dalam organisasi yang sesuai dengan program pengajian masing-masing yang telah disahkan dan mendapat kelulusan daripada fakulti.
- 2.10 Semua aktiviti yang berkaitan dengan LIK hendaklah dikelolakan oleh Jawatankuasa Penyelarasan LIK Fakulti. Aktiviti penyelarasan termasuklah mempelawa organisasi untuk menawarkan tempat latihan industri kepada pelajar dan menyediakan jadual kerja pelaksanaan LIK di fakulti.
- 2.11 Pelajar akan diselia dan dinilai oleh penyelia organisasi dan juga oleh penyelia universiti. Kedua-dua penyelia akan bertanggungjawab menyelaraskan, membimbing dan memberikan panduan kepada pelajar yang sedang menjalani LIK.
- 2.12 Fakulti boleh memilih kaedah pentaksiran bersesuaian bidang pengajian dan objektif yang hendak dicapai. Antara kaedah pentaksiran yang boleh digunakan ialah :
  - 2.12.1 Laporan penilaian penyelia di organisasi;
  - 2.12.2 Laporan penilaian penyelia di universiti;
  - 2.12.3 Laporan latihan industri oleh pelajar;

- 2.12.4 Buku log/rekod kehadiran;
- 2.12.5 Pemerhatian di tempat kerja; dan
- 2.12.6 Pembentangan pelajar.

### **3. Strategi**

#### **3.1 Peranan Universiti & Fakulti**

- 3.1.1 Mengembangkan jaringan strategik bersama-sama pihak majikan dan pihak industri;
- 3.1.2 Memberikan panduan dan merangka pelan latihan kepada pelajar yang menjalani LIK;
- 3.1.3 Memberikan latihan persediaan kepada pelajar untuk menghargai persekitaran tempat kerja yang sebenar; dan
- 3.1.4 Memantau dan menilai kemajuan LIK pelajar.

#### **3.2 Peranan Pelajar**

- 3.2.1 Mengesahkan penerimaan tawaran LIK dengan sesebuah organisasi dalam tempoh yang dipersetujui dan tidak menukar tawaran tersebut dengan organisasi lain
- 3.2.2 Melapor diri di organisasi berkenaan dalam minggu pertama LIK;
- 3.2.3 Memastikan nama baik UKM terpelihara dengan menunjukkan sikap dan tingkah laku yang baik;
- 3.2.4 Melaporkan aktiviti harian dalam buku log dan mendapat pengesahan penyelia di industri; dan
- 3.2.5 Menghantar laporan dan melakukan pembentangan yang diminta dalam tempoh yang dipersetujui.
- 3.2.6 Menghantar juga maklum balas berkenaan kesesuaian tempat tersebut sebagai tempat latihan LIK.



### 3.1 Peranan Penyelia

- 3.1.1 Memantau dan menilai prestasi pelajar secara keseluruhan;
- 3.1.2 Menilai kesesuaian tempat latihan di peringkat awal latihan dijalankan; dan
- 3.1.3 Menilai laporan dan pembentangan pelajar untuk tujuan pemarkahan & pentaksiran.
- 3.1.4 Menilai maklum balas kesesuaian tempat tersebut sebagai LIK yang terdapat dalam laporan pelajar.

## G. KEUSAHAWANAN DAN INOVASI

Semua pelajar UKM diwajibkan mengambil satu kursus asas keusahawanan yang dikenali sebagai Asas Keusahawanan dan Inovasi. Kursus ini ditawarkan oleh Pusat Pengajian Citra Universiti (PPCU). Bagi pelajar-pelajar yang berminat untuk mendalami ilmu keusahawanan, Pusat Pembangunan Keusahawanan dan EKS UKM (UKM-Cesmed) menawarkan beberapa kursus pada peringkat pertengahan dan lanjutan. Kursus yang ditawarkan ini mendedahkan pelajar secara keseluruhan kepada asas keusahawanan sehingga ke tahap memulakan dan membangunkan perniagaan. Penglibatan daripada rakan industri serta agensi kerajaan yang berkaitan turut ditekankan agar dapat memberikan pendedahan terhadap dunia keusahawanan yang sebenar.

Beberapa fakulti yang menyediakan laluan keusahawanan dalam program pengajian mereka, pelajar dalam program tersebut dikehendaki mengambil kursus-kursus yang ditawarkan oleh UKM-Cesmed bagi melengkapkan keperluan pengijazahan. Secara keseluruhannya kebanyakan fakulti mengiktiraf kursus-kursus keusahawanan yang ditawarkan oleh UKM-Cesmed dan juga PPCU sebagai memenuhi keperluan elektif mahupun pilihan bebas bagi program pengajian prasiswazah di fakulti masing-masing.

Dalam konteks dasar ini, definisi keusahawanan adalah seperti berikut:

- (a) Pendidikan keusahawanan meliputi aspek pembangunan insan yang berpotensi menjadi usahawan seperti:
  - i. Pembentukan sikap dan ciri-ciri keusahawanan;

- ii. Pembentukan pemikiran keusahawanan yang bercirikan kreatif dan inovatif;
  - iii. Penguasaan kemahiran pengurusan organisasi perniagaan;
  - iv. Kebolehan aplikasi vokasional dan kemahiran teknikal untuk menjadi produk atau perkhidmatan perniagaan; dan
  - v. Membentuk nilai moral dan etika dalam menjalankan perniagaan.
- (a) Usahawan sebagai:
- i. Penginovasi yang mencipta produk inovatif berasaskan ilmu sains dan sosial sains;
  - ii. Penggabung sumber dan pakar;
  - iii. Pengurus dalam sesebuah organisasi perniagaan dan kerajaan ke arah memajukan organisasi berasaskan pemikiran inovatif;
  - iv. Usahawan sosial yang menyumbang kepada kebajikan masyarakat; dan
  - v. Peniaga.

## 1. Tujuan

Pendidikan keusahawanan bertujuan untuk membentuk serta menggilap kemahiran berinovasi dan daya keusahawanan.

## 2. Skop

Skop pendidikan inovasi dan daya keusahawanan meliputi tiga aspek utama:

- 2.1 Pendedahan untuk semua pelajar di semua fakulti;
- 2.2 Kumpulan pelajar tertentu yang menunjukkan minat dan berpotensi untuk memulakan perniagaan semasa dalam pengajian; dan
- 2.3 Tenaga pengajar dan pelajar digalakkan mengkomersialkan hasil/produk inovasi dan penyelidikan melalui mekanisme yang telah diwujudkan seperti syarikat pemula (*start-up company*).

### 3. Strategi

Kaedah pelaksanaan:

- 3.1 Menawarkan kursus Inovasi dan Keusahawanan kepada semua pelajar pelbagai peringkat;
- 3.2 Menerapkan dan mengintegrasikan elemen inovasi dan daya keusahawanan dalam semua kursus;
- 3.3 Memantapkan kursus Kokurikulum yang berasaskan inovasi dan daya keusahawanan;
- 3.4 Kerja kumpulan yang ahli kumpulannya terdiri daripada pelbagai disiplin ilmu;
- 3.5 Bekerjasama dengan industri;
- 3.6 Menggalakkan penghasilan inovasi yang diterima pakai oleh industri dan pihak berkepentingan; dan
- 3.7 Menyediakan sistem sokongan dan persekitaran untuk merangsang pelajar menjadi usahawan berjaya seperti yang disediakan oleh UKM-Cesmed.

### H. PEMINDAHAN KREDIT

Kredit ialah pemberian dan pengakuan yang bersesuaian dengan proses pembelajaran dan pengalaman yang telah dilalui oleh pelajar. Pemindahan Kredit ialah kredit yang telah diberikan oleh satu-satu program dalam program yang lain, sama ada semua program itu di dalam UKM atau satu daripadanya di UKM dan yang lain di luar UKM. Pengecualian kredit ialah pengecualian kursus-kursus bagi pelajar-pelajar yang telah melalui pembelajaran dan pengalaman terdahulu. Untuk pemindahan kredit secara menegak, setiap pelajar diberi kebenaran pemindahan kredit maksimum 30% bagi sesuatu program pengajian.

Bagi pelajar lepasan diploma (Tahap 4, Kerangka Kelayakan Malaysia), pemindahan kredit boleh diberi sehingga maksimum 50% dan pelajar berkenaan hendaklah mendapatkan gred C atau yang setara dengannya ( $\leq 30\%$ ) dan gred B atau setara dengannya (31 – 50%).

Untuk pemindahan kredit secara mendatar, tiada had kredit ditetapkan tetapi pelajar adalah tertakluk kepada tempoh bermastautin minimum setahun atau dua (2) semester tidak termasuk semester intersesi di UKM untuk program prasiswazah atau minimum satu (1) semester untuk program pascasiswazah.

## 1. Tujuan

- 1.1 Memudahkan pembelajaran pelajar daripada satu program pengajian ke program pengajian yang lain sama ada di dalam UKM mahupun di antara UKM dengan institusi pengajian tinggi lain;
- 1.2 Memberikan kredit yang dikira untuk pengijazahan berasaskan Akreditasi Pembelajaran Berasaskan Pengalaman Terdahulu (APEL) sekiranya pembelajaran ini setara dengan hasil pembelajaran program pengajian UKM dan pelajar telah dibuktikan mencapai hasil pembelajaran berkaitan;
- 1.3 Membantu pelajar yang telah mendapat kredit pembelajaran dan pengalaman terdahulu untuk pengijazahan dalam tempoh yang lebih pendek dari tempoh yang biasa; dan
- 1.4 Membentuk kerangka, dasar dan prosedur bagi mengadakan perjanjian pemindahan kredit di antara UKM dengan institusi pengajian tinggi lain dan institusi latihan yang diluluskan Senat.

## 2. Skop

- 2.1 Dasar Pemindahan Kredit disediakan sebagai garis panduan kepada para fakulti, institut dan pelajar yang ingin mengikuti program pertukaran pelajar antara universiti, menukar program dan mendapatkan pengecualian kursus untuk disetarakan dengan jumlah kredit yang dipindahkan.
- 2.2 Dasar ini diguna pakai terhadap pelajar UKM yang ingin mengikuti program pertukaran pelajar dengan universiti lain, bertukar program di dalam UKM dan mengikuti program ijazah berkembar. Dasar ini boleh juga digunakan terhadap pelajar dari institusi pengajian tinggi di dalam dan di luar negara apabila mereka ingin mengikuti program pengajian di UKM.
- 2.3 Dasar ini juga boleh diguna pakai terhadap pelajar yang telah melalui pembelajaran dan pengalaman terdahulu yang diiktiraf di peringkat pengajian tinggi dalam pelbagai bentuk yang ingin meneruskan pembelajaran di UKM.
- 2.4 Bagi membina modal insan kelas dunia dan bagi membolehkan UKM mencapai pengiktirafan di peringkat antarabangsa, UKM beriltizam untuk menarik pelajar luar negara mengikuti program pengajian di UKM dan pada masa yang sama menghantar pelajar mereka ke negara maju untuk menimba pengalaman sebanyak dalam tempoh beberapa semester.

- 2.5 Dasar ini berteraskan prinsip MQF dan hendaklah dibaca bersama dengan dasar-dasar sedia ada yang dikeluarkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) dan UKM, Standard Program MQA, Garis Panduan Akreditasi Pembelajaran Berasaskan Pengalaman Terdahulu (APEL) MQA dan Garis Panduan APEL UKM.
- 2.6 Garis panduan terperinci boleh dirujuk di **Lampiran B**.

### **3. Strategi**

3.1 UKM boleh memberikan pemindahan kredit seperti berikut:

- 3.1.1 Pemindahan kredit untuk pembelajaran bagi kursus yang setara antara dua program yang berlainan di dalam UKM;
- 3.1.2 Pemindahan kredit untuk pembelajaran bagi kursus yang setara dengan kursus yang telah diambil dari institusi pengajian tinggi lain yang diiktiraf sama ada di dalam atau di luar negara;
- 3.1.3 Pemindahan kredit untuk kursus yang setara dengan kursus yang telah diambil dari kolej atau institusi pasca pendidikan menengah di dalam atau di luar negara.

3.2 UKM boleh memberikan pengecualian kredit untuk pembelajaran bagi kursus-kursus seperti berikut:

- 3.2.1 Pengecualian kursus bagi kursus yang setara dengan kursus yang telah diberikan pemindahan kredit secara mendatar seperti yang dinyatakan dalam Klausula 3.1.
- 3.2.2 Pengecualian kursus bagi kursus yang setara dengan kursus yang telah diambil dari kolej atau institusi pasca pendidikan menengah di dalam atau di luar negara seperti yang dinyatakan dalam Klausula 3.1.

#### **I. PEMBANTU PENGAJAR SISWAZAH**

Pembantu Pengajar Siswazah (Graduate Teaching Assistant, GTA) ialah pelajar siswazah yang terlibat dalam proses PdP semasa menjalani tempoh pembelajaran siswazah mereka bertujuan membantu perkembangan diri pelajar dan sebagai salah satu proses

pembelajaran. Pembantu Pengajar Siswazah (*Graduate Teaching Assistant, GTA*) dikategorikan kepada dua;

- (a) GTA-1 yang dilantik oleh F/I/P untuk membantu pelaksanaan dan pengendalian kursus-kursus di F/I/P dan dibayar mengikut kadar yang ditentukan oleh pihak universiti. Skim ini diadakan untuk:
  - i. Membantu pengajaran;
  - ii. Menjalankan kerja pentadbiran berkaitan kursus yang dikendalikan serta tertakluk pada tatacara kerja di F/I/P;
  - iii. Membolehkan GTA akan diselia oleh penyelaras kursus; dan
  - iv. Mengikuti kursus induksi atau latihan mengenai PdP.  
atau;
  
- (b) GTA-2 terlibat dalam pengajaran iaitu mengajar merupakan salah satu mod PdP. Mengajar menjadi salah satu hasil pembelajaran program yang menentukan keupayaan pelajar siswazah untuk menggunakan pengetahuan yang telah dipelajari dan memperoleh pengalaman praktikal terutamanya bagi siswazah dalam program klinikal; hal ini menentukan keupayaan pelajar siswazah untuk menggunakan pengetahuan yang telah dipelajari dan memperoleh pengalaman praktikal mengajar.
  - i. GTA akan diselia oleh penyelaras kursus.
  - ii. GTA digalakkan mengikuti latihan mengenai PdP.
  - iii. GTA kategori ini tidak dibayar

## 1. Tujuan

Bertujuan untuk memberikan garis panduan kepada pelajar dan F/I/P mengenai penglibatan dan pelantikan pelajar siswazah sebagai pembantu pengajar yang dinamakan sebagai Pembantu Pengajar Siswazah (*Graduate Teaching Assistant*). Sekiranya melibatkan bayaran oleh pihak universiti, pelantikan perlu dilakukan mengikut Tatacara Pelantikan Pembantu Pengajar Siswazah.

## **2. Skop**

Merangkumi syarat pemilihan, pelantikan dan latihan Pembantu Pengajar Siswazah

## **3. Strategi**

### **3.1 Bagi GTA kategori (1);**

- a. Memilih Pembantu Pengajar Siswazah dalam kalangan pelajar yang layak dan berketerampilan dari segi akademik;
- b. Melatih Pembantu Pengajar Siswazah melalui program-program pemantapan P&P di UKM; dan
- c. Pembantu Pengajar Siswazah ditawarkan kepada pelajar melalui skim Zamalah yang diwujudkan oleh F/I/P masing-masing.

### **3.2 Bagi GTA kategori (2), pelajar siswazah akan dilibatkan dalam sesi pengajaran tidak lebih dari 6 jam seminggu setelah didapati sesuai untuk membantu pengajaran oleh Ketua/Penyelaras Program;**

## **V. FASA PENTAKSIRAN DAN PENILAIAN**

### **A. PENTAKSIRAN PELAJAR**

Pentaksiran merujuk kepada proses mengumpulkan maklumat daripada pelbagai sumber yang boleh digunakan untuk mengukur prestasi pelajar. Pentaksiran juga merujuk kepada pelbagai kaedah yang digunakan untuk mengukur, menilai, dan mendokumenkan kesediaan akademik pelajar sebelum mengikuti sesuatu tajuk kursus, kemajuan pembelajaran pelajar dan perolehan kemahiran pelajar. Tujuan pentaksiran adalah untuk merekodkan tahap pengetahuan, kefahaman dan kompetensi pelajar yang dapat ditunjukkan oleh mereka.

Sistem pentaksiran boleh melibatkan pentaksiran formatif, pentaksiran sumatif, pentaksiran berterusan, pentaksiran alternatif, pentaksiran kompetensi pelajar dalam sesuatu kemahiran ikhtisas dan profesional, dan kaedah pentaksiran lain atau penilaian yang difikirkan adil dan munasabah.

Agihan peratus bagi komponen yang ditaksir dalam sistem pentaksiran pelajar bagi sesuatu kursus yang diikuti perlu dimaklumkan kepada pelajar menerusi struktur kursus.

Bagi kursus yang ada peperiksaan akhir semester, sumbangan komponen peperiksaan akhir semester adalah daripada 30% kepada 70% jumlah markah keseluruhan.

Pencapaian bagi setiap Hasil Pembelajaran Program (HPP) yang dinyatakan akan ditentukan melalui pemetaan sesuatu Hasil Pembelajaran Kursus (HPK) dengan HPP.

Hasil pentaksiran bagi Modul Pendidikan Citra UKM perlu selaras dengan KKM dan dilaporkan bersama-sama transkrip keputusan rasmi.

## 1. Tujuan

Dasar ini dibentuk untuk memastikan jaminan kualiti dalam pengurusan sistem pentaksiran dan tanggungjawab dalam pelaksanaan proses pentaksiran. Pentaksiran perlu menyokong pendekatan pembelajaran berpusatkan pelajar. Amalan pentaksiran perlu meliputi maklum balas yang membina dan tepat pada masanya kepada pelajar bagi menyediakan ukuran pencapaian pelajar terhadap hasil pembelajaran dan untuk membantu mereka membuat persediaan untuk penilaian seterusnya. Proses pentaksiran juga bertujuan mendapatkan gambaran menyeluruh keupayaan pelajar dan membina keseimbangan antara pentaksiran formatif dengan sumatif. Pentaksiran perlu menunjukkan tahap-tahap pencapaian pelajar dan perlu bermula daripada tugas yang mudah kepada tugas yang rumit.

Tujuan pentaksiran berbeza bergantung kepada pihak yang mengurus dan menggunakan pentaksiran tersebut:

- 1.1 Pihak pengurusan - Menggunakan pentaksiran sebagai rujukan untuk membuat keputusan dalam proses pembelajaran dan pengajaran serta penganugerahan ijazah. Pihak pengurusan juga perlu memanfaatkan pentaksiran untuk membuktikan bahawa pelajar telah mencapai HPP kepada pemegang taruh.
- 1.2 Tenaga Pengajar - Menggunakan pentaksiran sebagai alat diagnostik dan maklum balas untuk mengemas kini kaedah pengajaran, mendapatkan bukti pencapaian pelajar dan menjalankan penilaian terhadap pengajaran atau kurikulum.
- 1.3 Pelajar - Menggunakan pentaksiran untuk memandu proses pembelajaran dan menjalankan pentaksiran sendiri sebelum dinilai melalui pentaksiran sumatif dan lain-lain.
- 1.4 Penyelidik (merujuk kepada pelajar pascasiswazah penyelidikan) - Menggunakan pentaksiran untuk mengumpulkan data tentang sesuatu ilmu untuk melaksanakan program penilaian atau eksperimen.



## 2. Skop

UKM melakukan pentaksiran atas program akademik dan Modul Pendidikan Citra. Kedua-dua pentaksiran ini menjadi asas kepada pernyataan sumatif yang berkaitan pencapaian matlamat pendidikan. Skop dasar ini merangkumi:

### 2.1 Pentaksiran Modul Pendidikan Citra

Pusat akademik yang menguruskan Modul Pendidikan Citra perlu bekerjasama dengan fakulti untuk menentukan kaedah dan proses pentaksiran Modul Pendidikan Citra supaya dapat memberikan sumbangan yang bermakna kepada pernyataan visi, misi dan matlamat Pendidikan Citra.

### 2.2 Pentaksiran Program Pengajian

2.2.1 F/I/P perlu menentukan kaedah dan proses pentaksiran untuk pentaksiran program pengajian sama ada secara langsung atau tidak langsung.

2.2.2 F/I/P perlu mendokumenkan pelan pentaksiran terkini program pengajian dalam sistem pentaksiran UKM sebagai langkah untuk memantau pencapaian HPP dan/atau HPD serta HPK. Pelan pentaksiran ini boleh digunakan untuk penambahbaikan berterusan (CQI) program pengajian dan membolehkan kad skor bagi setiap pelajar dikeluarkan.

## 3. Strategi

Strategi pentaksiran adalah seperti berikut:

- 3.1 Pentaksiran meliputi ukuran terhadap kompetensi yang ingin dibuktikan pencapaiannya melalui pentaksiran sumatif dan/atau pentaksiran berterusan;
- 3.2 Pada masa yang sama, Fakulti/Institut/Pusat perlu memastikan kemajuan pelajar semasa proses pembelajaran dipantau dan penyampaian pengajaran ditambah baik melalui pentaksiran formatif;
- 3.3 Pihak Fakulti/Institut/Pusat perlu memastikan proses moderasi dan memastikan integriti soalan dan pentaksiran sumatif (menangani kelemahan dan salah kefahaman dalam kalangan pelajar terhadap ujian-ujian yang diberikan). Oleh itu, soalan-soalan ujian perlu melalui proses pentaksiran yang teliti dan telus;

- 3.4 Pihak pengurusan F/I/P perlu memantau proses dan prosedur pentaksiran yang menyumbang kepada gred kursus;
- 3.5 Pihak F/I/P yang dipertanggungjawabkan untuk menyelaras dan memantau amalan pentaksiran serta memastikan amalan pentaksiran adil, berkesan, konsisten dan sesuai serta sentiasa ditambah baik;
- 3.6 Pihak F/I/P akademik perlu mengikut strategi dan rangka masa penyerahan pentaksiran; dan
- 3.7 Tenaga pengajar perlu melaporkan pencapaian dan kemajuan pelajar dengan telus, objektif dan saksama berasaskan data yang relevan dan mengikut garis panduan yang telah dibangunkan oleh Pusat Jaminan Kualiti (Kualiti-UKM) dan dilaksanakan mengikut kesesuaian di setiap F/I/P.

## **B. PENILAIAN PELAJAR**

Penilaian pelajar merujuk kepada maklum balas oleh pelajar atas penyampaian kursus dan program serta perkhidmatan dan kemudahan yang disediakan oleh universiti di samping penilaian terhadap tenaga pengajar. Maklum balas ini juga meliputi penilaian pengalaman terhadap pengalaman pembelajaran yang dilalui oleh pelajar berkaitan kursus atau program tersebut serta penilaian terhadap tenaga pengajar.

### **1. Tujuan**

Kualiti PdP perlu dipantau secara luaran dan dalaman. Maklum balas pelajar merupakan satu bahagian yang penting dalam proses pemantauan PdP. Secara khususnya, penilaian pelajar bertujuan:

- 1.1 Menilai prestasi proses PdP di sesebuah institusi daripada perspektif pelajar;
- 1.2 Menyediakan maklumat yang diperlukan untuk terus meningkatkan prestasi pelajar; dan
- 1.3 Mengemas kini dan menambah baik kurikulum supaya trend sepunya boleh dilihat dan perubahan yang selaras boleh dilakukan merentas kursus dan program pengajian.

## 2. Skop

2.1 Pihak yang terlibat dalam proses penilaian pelajar ialah:

2.1.1 Penilaian Kursus - Semua pelajar prasiswazah dan pelajar siswazah yang mengambil kursus.

2.1.2 Penilaian Penyeliaan - Semua pelajar siswazah.

2.2 Kategori yang perlu dinilai oleh pelajar termasuklah:

2.2.1 Proses PdP yang membolehkan hasil pembelajaran yang ditetapkan tercapai.

2.2.2 Kualiti penyampaian, kekuatan dan kelemahan strategi PdP oleh tenaga pengajar.

2.2.3 Cadangan terhadap perubahan dalam matlamat dan strategi pengajaran dan pengajaran.

2.2.4 Prasarana yang menyokong proses PdP.

## 3. Strategi

Kaedah bagi mendapatkan maklum balas pelajar boleh dilakukan secara formal atau tidak formal, berstruktur, berstruktur separa atau tidak berstruktur. Contohnya, soal selidik, kumpulan fokus dan rundingan pelajar. Penilaian pelajar boleh menggunakan beberapa strategi:

3.1 Sistem Penilaian Pengajaran dan Penyeliaan

Sistem yang menilai kualiti pengajaran daripada perspektif pelajar. Input yang diperoleh daripada pelajar melalui sistem ini digunakan untuk penambahbaikan berterusan kualiti program pengajaran berkenaan.

3.2 Maklum balas pelajar secara tidak formal

F/I/P boleh mendapatkan maklum balas pelajar melalui saluran tidak formal, contohnya dengan menggunakan borang maklum balas yang disediakan oleh F/I/P atau tenaga pengajar yang diedarkan kepada pelajar secara bersemuka mahupun secara dalam talian.

## C. PENILAIAN PROGRAM PENGAJIAN OLEH PEMERIKSA LUAR

Penilaian program pengajian oleh pemeriksa luar merujuk kepada proses penilaian yang menggunakan khidmat pakar bidang dari luar universiti. Pakar bidang ini biasanya terdiri daripada mereka yang mempunyai kepakaran dalam program yang akan dinilai serta mempunyai kelayakan dan reputasi akademik yang tinggi.

### 1. Tujuan

Proses penilaian program oleh pemeriksa luar yang dilantik bertujuan memenuhi bahagian penting dalam kerangka kerja jaminan kualiti serta dasar, peraturan dan garis panduan UKM.

### 2. Skop

Pemeriksa luar mesti dilantik untuk semua program pengajian termasuk yang ditawarkan bawah perjanjian francais dan yang ditawarkan melalui kerjasama dengan rakan kongsi luar. Penilaian oleh pemeriksa luar mestilah dilakukan sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh tiga (3) tahun untuk liputan penilaian tiga (3) sesi pengajian. Proses dan prosedur pelantikan pemeriksa luar boleh dirujuk di Garis Panduan Pelantikan Penasihat Luar (*External Advisor*) dan Penilai/Pemeriksa Luar (*External Examiner*) (Pindaan 2021).

### 3. Strategi

UKM perlu memastikan pemeriksa luar yang dilantik memenuhi peranan dan tanggungjawab seperti berikut:

- 3.1 Meletakkan tanda aras akademik yang sesuai bagi memastikan peningkatan kualiti dalam program yang dinilai;
- 3.2 Menunjukkan pengetahuan terhadap standard bidang untuk program yang dinilai dan berkongsi amalan baik dalam kalangan Institusi Pendidikan Tinggi di Malaysia dalam menjalankan penilaian program pengajian; dan
- 3.3 Menyediakan laporan penilaian program pengajian dalam tempoh yang ditetapkan oleh UKM.

#### D. AUDIT DAN AKREDITASI PROGRAM

UKM menjalankan tiga jenis audit dan akreditasi program pengajian iaitu Akreditasi Sementara, Akreditasi Penuh dan Audit Pemantauan Program.

Akreditasi sementara merujuk kepada penilaian program pengajian baharu bagi memastikannya memenuhi keperluan minimum kualiti sebelum mendapatkan Akreditasi Penuh. Hal ini mesti dilakukan sebelum program tersebut diluluskan oleh Senat.

Akreditasi Penuh ialah penilaian yang dijalankan oleh UKM atau MQA bagi program profesional untuk memastikan kurikulum, penyampaian dan pentaksiran program serta aktiviti lain yang berkaitan dengan program pengajian mematuhi MQF, kod-kod amalan MQA dan/atau standard pengajian/program atau keperluan badan profesional, jika berkaitan.

Permohonan penilaian Akreditasi penuh bagi Program Mod Kerja Kursus perlu dikemukakan kepada PJK atau MQA dalam tempoh dua bulan sebelum kohort pertama pelajar memasuki semester akhir dalam tahun akhir pengajian.

Bagi program yang menggunakan Kaedah PdP secara Penilaian Berasaskan Kerja dan/atau mempunyai komponen Latihan Industri/Praktikum/Klinikal, Pemberi Pendidikan Tinggi (PPT) perlu memastikan tarikh lawatan penilaian Akreditasi Penuh program dilaksanakan setelah pelajar kohort pertama menjalani sekurang-kurangnya 60% daripada Latihan Industri/Komponen Industri tersebut. Pengiraan dibuat berdasarkan bilangan minggu pelajar berada di industri.

Bagi program pascasiswazah iaitu Sarjana Tahap 7 Kerangka Kelayakan Malaysia (MQF) dan Kedoktoran Tahap 8 MQF, PPT perlu memastikan tarikh lawatan penilaian Akreditasi Penuh program dilaksanakan setelah pelajar kohort pertama menyediakan deraf akhir Kertas Projek.

Permohonan penilaian Akreditasi penuh Sarjana Tahap 7 MQF dan Kedoktoran Tahap 8 MQF bagi Program Pascasiswazah Mod Campuran (*Mixed-Mode*) dan Mod Penyelidikan (Research) perlu dikemukakan kepada PJK atau MQA setelah pelajar selesai menjalani *viva voce* bagi disertasi/tesis.

Program yang diluluskan akreditasinya oleh Senat atau badan akreditasi berautoriti akan didaftarkan dalam Sistem Daftar Kelayakan Program UKM (UKMQR) dan Sistem Daftar Kelayakan Malaysia (MQR). Program tersebut juga perlu menjalankan audit pemantauan program sebelum tempoh akreditasi yang ditetapkan luput.

Audit Pemantauan Program merujuk pada penilaian yang dijalankan atas program sedia ada bagi memastikan program pengajian dapat mengekalkan status akreditasinya untuk satu tempoh yang tertentu seperti yang diluluskan oleh Senat atau badan akreditasi berautoriti.

## 1. Tujuan

1.1 Tujuan Akreditasi Sementara adalah seperti berikut:

1.1.1 Memastikan sama ada keperluan minimum untuk melaksanakan program pengajian dipenuhi oleh UKM seperti yang digariskan oleh MQA dan/atau KPT atau badan profesional terutamanya reka bentuk kurikulum. Jika perlu, satu lawatan perlu dilakukan untuk memastikan kesesuaian prasarana yang menyokong program pengajian di UKM.

1.2 Tujuan Akreditasi Penuh adalah seperti berikut:

1.2.1 Menguji kenyataan, huraian, kesimpulan dan aktiviti penambahbaikan yang dicadangkan dalam Laporan Penilaian Kendiri;

1.2.2 Mendapatkan gambaran yang lebih mendalam tentang operasi program pengajian melalui analisis langsung dan interaksi bersemuka;

1.2.3 Bagi membolehkan penilaian kualitatif terhadap faktor-faktor yang tidak dapat didokumenkan dengan mudah dalam bentuk penulisan;

1.2.4 Memeriksa prasarana berkaitan program pengajian; dan

1.2.5 Memastikan program mematuhi MQF, kod-kod amalan MQA dan/atau standard pengajian/program atau keperluan badan profesional/industri.

1.3 Tujuan Audit Pengekalan Program adalah seperti berikut:

1.3.1 Memantau dan memastikan pengekalan dan peningkatan program yang telah diberikan akreditasi. Audit pengekalan program yang perlu dilakukan atas semua program dan kelayakan yang diberikan akreditasi mesti dilaksanakan sebelum tamat tempoh akreditasi.

## 2. Skop

Skop Akreditasi Sementara melibatkan program baharu yang ingin ditawarkan. Sementara itu, skop Akreditasi Penuh pula melibatkan program yang pelajar kohort pertama program tersebut telah memasuki tahun akhir pengajian. Audit Pengekalan Program pula dilakukan atas program sebelum tamat tempoh akreditasi. Proses

Akreditasi Penuh dan Audit Pengekalan Program ini melibatkan, antara lain, penilaian sendiri serta penilaian dan penyediaan laporan oleh panel penilai. Penilaian ini harus berpandukan suatu kod amalan akreditasi. Contohnya Kod Amalan untuk Akreditasi Program (COPPA) MQA atau yang seumpamanya. Proses ini berakhir dengan perakuan rasmi oleh pihak berautoriti yang memperakukan pengkreditan program tersebut.

### **3. Strategi**

Strategi untuk audit dan akreditasi program yang boleh diguna pakai oleh UKM adalah seperti berikut:

- 3.1 UKM perlu menggunakan akreditasi sebagai kaedah untuk menilai kualiti, kebertanggungjawaban dan penambahbaikan program pengajian.
- 3.2 UKM juga perlu menggunakan audit program untuk menganalisis pola pengambilan pelajar untuk program pengajian.
- 3.3 UKM perlu melakukan aktiviti penandaarasan bagi memilih model reka bentuk audit dan akreditasi program pengajian yang sesuai dan terkini untuk digunakan dalam pelaksanaan proses audit dan akreditasi program pengajian.
- 3.4 UKM perlu mempertingkatkan kesedaran dalam kalangan F/I/P di UKM tentang perkara berikut: Perbezaan antara Akreditasi Sementara, Akreditasi Penuh dengan Audit Pengekalan Program;
  - 3.4.1 Kepentingan audit dan akreditasi program bagi keperluan pendaftaran dalam Sistem Daftar Kelayakan Program UKM (UKMQR) dan Sistem Daftar Kelayakan Malaysia (MQR).
  - 3.4.2 Kepentingan keperluan dokumen Penilaian Kendiri Program yang berkualiti tinggi mengikut COPPA.
  - 3.4.3 Dasar ini perlu dibaca bersekali dengan Garis Panduan Penilaian dan Akreditasi Program Pengajian dan Audit Premis/Lokasi Pusat Pembelajaran Luar Kampus yang dikendalikan oleh Pusat Jaminan Kualiti (Kualiti-UKM).

## **VI. PENUTUP**

Dasar ini digubal bagi menentukan hala tuju PdP di UKM untuk tempoh masa lima (5) tahun akan datang.

## **LAMPIRAN A: Garis Panduan Program Perantara Akademik**

### **1. Pendahuluan**

Sebagai institusi yang mendukung visi untuk menjadi sebuah universiti terkedepan yang mendahului langkah masyarakat dan zamannya bagi membentuk masyarakat dinamis, berilmu dan berakhlak mulia, program pengajian di UKM perlu bersifat lebih luwes, mesra pelajar, dan sensitif kepada keperluan pembelajaran para pelajarnya. Bagi memenuhi keperluan pembelajaran tersebut, pelajar boleh diberi peruntukan-peruntukan dalam bentuk sesi intervensi termasuk PdP untuk memantapkan proses pengajian mereka yang selanjutnya. Peruntukan-peruntukan tersebut dinamakan Program Sokongan Akademik Pelajar atau “Bridging Program”.

### **2. Rasional Program Perantara Akademik Pelajar**

Program ini dilaksanakan bertujuan memberikan perantara pembelajaran kepada segolongan pelajar yang memerlukan intervensi perantara tersebut. Perantara pembelajaran melibatkan sesi pemantapan ilmu asas atau kemahiran asas kepada segolongan pelajar yang memerlukan intervensi tersebut. Usaha ini penting agar pelajar terbabit dapat meneruskan pembelajaran dengan lebih baik dan berkesan, selamat daripada menghadapi masalah akademik yang berat. Pelajar yang perlu kepada program perantara ini boleh terdiri daripada segolongan pelajar yang; bertukar program pengajian, dan yang tidak bertukar program pengajian namun amat perlu kepada intervensi proses PdP sebagai perantara kepada mereka agar dapat meneruskan pengajian dengan jayanya di peringkat sarjana muda ataupun di peringkat pengajian siswazah.

### **3. Syarat-syarat untuk Pertukaran Program Pengajian**

- 3.1 Pelajar boleh menukar program pengajian sekiranya layak dan memenuhi semua syarat untuk diterima belajar dalam satu-satu program pengajian yang dipohon.
- 3.2 Syarat-syarat tersebut merangkumi syarat-syarat universiti, syarat fakulti dan syarat khas program.
- 3.3 Masih terdapat kuota bilangan pelajar yang belum dipenuhi bagi program pengajian yang dipohon.
- 3.4 Pelajar tidak berada dalam status “gagal dan diberhentikan” semasa membuat permohonan untuk bertukar program.



3.5 Pihak kedekanan di fakulti bersetuju menerima pertukaran pelajar terbabit.

#### **4. Situasi-situasi yang Memerlukan Program Perantara Akademik**

- 4.1 Pertukaran program pengajian. Ada pelajar yang diterima bertukar program kerana memerlukan ilmu serta kemahiran untuk meneruskan pengajian dengan jayanya dalam program baharu.
- 4.2 Meneruskan pengajian dalam program yang sama, namun pelajar memerlukan sesi PdP tambahan selain dari masa pembelajaran rasmi bagi memastikan kecemerlangan akademik mereka.
- 4.3 Sebelum pelajar mendaftar mengikuti program pengajian sama ada di peringkat pra siswazah ataupun di peringkat pengajian siswazah. Terdapat segolongan pelajar yang memerlukan sesi PdP, atau menduduki kursus-kursus tertentu (pendaftaran kursus secara *non-graduating student*) sebelum mendaftar mengikuti program pengajian. Pelajar boleh diberi panduan oleh pihak fakulti untuk mendaftar sebagai Pelajar Luar Program (*non-graduating students*).

#### **5. Domain Program Sokongan Akademik**

Program Perantara Akademik terdiri daripada tiga domain iaitu; jenis, peringkat, dan bentuk Program Perantara Akademik.

- 5.1 Terdapat dua jenis pendekatan Program Perantara Akademik; Pendekatan untuk meningkatkan motivasi dan kemahiran belajar, dan pendekatan pengisian akademik.
- 5.2 Pendekatan untuk meningkatkan motivasi dan kemahiran belajar merangkumi; pengurusan masa dan pengurusan pembelajaran digalakkan untuk dilaksanakan di peringkat fakulti bagi semua pelajar yang mendaftar untuk mengikuti program pengajian di fakulti berkenaan.
- 5.3 Pendekatan pengisian akademik dikategorikan kepada dua peringkat seperti berikut:

##### **5.3.1 Program Perantara Akademik Pelajar di peringkat Sarjana Muda**

- (b) Kursus prasyarat. Sebagai persediaan pelajar untuk mengikuti proses PdP dalam sesuatu program pengajian yang baharu. Pelajar-

pelajar terbabit boleh diwajibkan oleh fakulti mengikuti kursus-kursus prasyarat yang telah ditetapkan mengikut bidang pengajian.

- (c) Kursus kompetensi bahasa. (seperti Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Bahasa Arab)

### **5.3.2 Program Perantara Akademik Pelajar di peringkat Sarjana**

Bagi mempersiapkan segolongan pelajar mengikuti proses PdP di peringkat sarjana dengan jayanya, pelajar terbabit boleh diwajibkan oleh pihak fakulti menduduki kursus-kursus persediaan seperti berikut:

- (a) Kursus kompetensi bahasa. (seperti Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, bahasa Arab)
- (b) Kursus kemahiran penyelidikan dan menganalisis data.
- (c) Mana-mana kursus di peringkat sarjana atau sarjana muda yang dicadangkan oleh pihak fakulti.

### **5.4 Bentuk-bentuk Program Perantara Akademik.**

Program Perantara Akademik boleh dilaksanakan secara pendaftaran rasmi untuk pelajar mengikuti satu-satu kursus tertentu secara formal di UKM, atau boleh juga dilaksanakan sebagai intervensi di peringkat fakulti (rujuk Bahagian 3.6) yang tidak memerlukan pendaftaran rasmi.

- 5.5 Pelajar boleh mengikuti sesuatu kursus sebagai pilihan untuk membantu pembelajarannya dengan melakukan pendaftaran rasmi dengan tiga pilihan status pendaftaran seperti berikut:

- (a) Lulus / Kandas (L/K)

Pelajar mendaftar untuk mengikuti kursus pemantapan terbabit dan boleh dibenarkan menduduki peperiksaan namun gred yang akan diberikan kepada pelajar terhad kepada status Lulus atau Kandas.

- (b) Audit (A)

Pelajar mendaftar untuk mengikuti kursus pemantapan terbabit dan boleh memilih untuk menduduki peperiksaan namun gred yang akan diberikan kepada pelajar terhad kepada status Audit.

(c) Bergred (BG)

Pelajar mendaftar untuk mengikuti kursus pemantapan terbabit dan perlu mengikuti kursus itu sepenuhnya termasuk menduduki peperiksaan. Justeru gred akan diberikan kepada pelajar mengikut struktur penilaian kursus yang ditetapkan.

## **6. Syarat-syarat bagi pelajar yang ingin mengikuti Program Perantara Akademik.**

- 6.1 Pelajar telah diterima dalam program yang ditawarkan oleh UKM atau,
- 6.2 Pelajar memenuhi syarat-syarat asas yang telah ditetapkan dalam sesuatu program yang akan diikuti semasa mengemukakan permohonan untuk mengikuti Program Pemantapan Akademik.
- 6.3 Pelajar perlu lulus syarat asas yang telah ditetapkan oleh pihak Fakulti/Pusat/Jabatan.
- 6.4 Sekiranya pelajar terpaksa mengambil masa yang lebih lama untuk bergraduasi, melewati tempoh maksimum pembelajaran, pelajar terbabit perlu mendapat kelulusan fakulti dan senat untuk melanjutkan tempoh tersebut.
- 6.5 Pelajar memenuhi semua syarat yang dikenakan terhadapnya sekiranya pelajar berkenaan ingin mengikuti Program Perantara Akademik, dan dibenarkan mendaftar untuk mengikuti program itu oleh pihak kedekanan.

## **7. Sistem Penaksiran dalam Program Perantara Akademik**

- 7.1 Sekiranya perlu, fakulti boleh membina sistem penaksiran khusus bagi membantu pelajar dalam Program Perantara Akademik, seperti ujian saringan dan ujian diagnostik. Ujian saringan memberikan maklum balas tentang segolongan pelajar yang bermasalah dalam kemahiran atau ilmu prasyarat dalam mengikuti sesuatu kursus. Ujian diagnostik pula menentukan punca masalah tersebut dan dapat digunakan sebagai panduan untuk menyediakan intervensi pengajaran pembelajaran yang sepadan sesuai dengan punca masalah tersebut.
- 7.2 Fakulti disyorkan untuk menetapkan kompetensi minimum (konten, dan kemahiran) sebagai prasyarat untuk mengikuti program pengajian di fakulti terbabit.

- 7.3 Pelajar boleh disyaratkan menduduki ujian kompetensi yang dipersetujui oleh pihak fakulti untuk menilai tahap ilmu atau kemahiran pelajar sebelum diterima masuk/atau bertukar mengikuti program pengajian baharu.

## **8. Penyediaan Program Perantara Akademik.**

- 8.1 Program ini boleh dijalankan di peringkat Fakulti/Pusat, atau di peringkat universiti.
- 8.2 Fakulti bertanggungjawab merancang Program Perantara Akademik untuk pelajar yang perlu mengikuti program tersebut.
- 8.3 Program direka bentuk selaras dengan keperluan pembelajaran pelajar. Ini termasuk bagi memenuhi prasyarat sesuatu program, intervensi pembelajaran dan tempoh sesi program prasyarat atau intervensi.
- 8.4 Bagi sesuatu kursus tertentu, sekiranya pelajar memerlukan intervensi pengajaran pembelajaran untuk memantapkan pencapaian akademik mereka, penyelarasa/pensyarah kursus berkenaan boleh memohon untuk mendapatkan tenaga pengajar sokongan (tutor) untuk membantu pelajar-pelajar kursus terbabit.
- 8.5 Pelajar boleh dikenakan bayaran minimum untuk mendapatkan perkhidmatan perantara akademik mengikut kadar yang dipersetujui oleh pihak kedekanan.
- 8.6 Fakulti boleh juga merancang pelaksanaan sesi intervensi dengan Fakulti-fakulti lain yang berkaitan.
- 8.7 Fakulti boleh juga merancang pelaksanaan Program Perantara Akademik dengan Pusat Kembangan Pendidikan (PKP) untuk diselenggarakan secara nyah pusat.

## **9. Imbuhan untuk Program Perantara Akademik**

- 9.1 Tenaga pengajar / pensyarah yang terlibat dalam Program Perantara Akademik boleh diberi imbuhan mengikut kadar yang sewajarnya, sekiranya keterlibatan mereka untuk mengajar kursus dalam Program Perantara Akademik melebihi beban pengajaran maksimum yang ditetapkan oleh fakulti.
- 9.2 Untuk memastikan ketelusan serta keabsahan dalam pelaksanaan Program Perantara Akademik ini, pihak kedekanan perlu memersetujui perlaksanaannya di peringkat fakulti serta keterlibatan staf akademiknya.

## 10. Peranan Tenaga Akademik

- 10.1 Tenaga akademik/pensyarah/tutor disyorkan untuk mengenal pasti pelajar yang memerlukan intervensi pengajaran pembelajaran dalam kalangan pelajar yang mendaftar kursus mereka.
- 10.2 Seterusnya tenaga akademik memaklumkan kepada pihak kedekanan tentang cadangan perancangan pendidikan sebagai Program Perantara Akademik untuk pelajar terbabit.
- 10.3 Tenaga akademik perlu mendapatkan persetujuan pihak kedekanan sebelum beliau melaksanakan intervensi Program Perantara Akademik.
- 10.4 Tenaga akademik harus diberi kefahaman dan latihan berterusan mengenai program perantara ini untuk memastikan mereka dilengkapi dengan kecekapan untuk menggunakan sumber yang disediakan oleh program ini secara berkesan.

## 11. Penutup

Garis Panduan Program Perantara Akademik dibentuk untuk memberikan versatil kepada kurikulum pengajian yang diikuti oleh pelajar. Garis Panduan Program ini berperanan membantu pelajar membina laluan pembelajaran yang mesra pelajar berdasarkan minat dan pencapaian masing-masing. Garis panduan ini akan disemak dari masa ke masa bagi memberikan ruang kepada penambahbaikan.

## **LAMPIRAN B: Garis Panduan Pemindahan Kredit**

### **1. Pengenalan**

- 1.1 Salah satu daripada matlamat UKM ialah mengantarabangsakan citra dan sumbangan UKM bagi masyarakat sejagat.
- 1.2 Bagi mencapai matlamat ini UKM telah menyusun strategi pengantarabangsaan pendidikan dan penghasilan mahasiswa berkualiti. Perkara ini turut melibatkan pertukaran pelajar dengan universiti-universiti lain di dalam dan di luar negara.
- 1.3 Di samping itu, kemasukan pelajar yang telah mempunyai pengalaman bekerja dan pemegang sijil atau diploma juga akan bertambah berikutan bertambahnya kesedaran untuk menuntut ilmu.
- 1.4 Garis panduan ini juga mengambil kira pekeliling berkaitan Keputusan Dasar Yang Diputuskan Melalui Mesyuarat Kajian Semula Dasar-Dasar Berkaitan Jaminan Kualiti Antara Pihak KPT Dan MQA bil. 1/2011-bil. 3/2011 (seterusnya dirujuk sebagai Dasar Jaminan Kualiti KPM-MQA).

### **2. Latar Belakang**

- 2.1 Nama UKM yang dikenali di persada antarabangsa membolehkan wujudnya permintaan pelajar dari luar negara yang ingin datang ke UKM di bawah program mobiliti dan pertukaran pelajar sama ada untuk mendapatkan kredit daripada UKM atau memenuhi syarat program dwijazah atau program dual-ijazah.
- 2.2 Pelajar UKM juga telah mula pergi ke universiti di luar negara bertujuan mendapatkan pengayaan pembelajaran dan nilai tambah kepada program sedia ada melalui perolehan pengalaman antarabangsa.
- 2.3 Kesedaran terhadap pembelajaran sepanjang hayat pula telah mencetuskan permintaan dalam kalangan pemegang sijil dan diploma untuk melanjutkan pelajaran di UKM melalui pelaksanaan Akreditasi Pembelajaran Berasaskan Pengalaman Terdahulu (APEL) yang dijangka akan bertambah.
- 2.4 Pelajar yang masuk ke UKM melalui program pertukaran pelajar, penawaran program dwijazah atau program dual-ijazah dan saluran pembelajaran sepanjang hayat dari pelbagai negara memerlukan satu dasar atau garis panduan berkenaan pemindahan kredit. Sebarang bilangan kredit yang diluluskan untuk dipindahkan dari institusi bekerjasama akan diterjemahkan dalam bentuk pengecualian mata pelajaran atau kursus.

### 3. Definisi dan Istilah Berkaitan Pemindahan Kredit

- 3.1 Merujuk pada Kerangka Kelayakan Malaysia (MQF), kredit ialah ukuran kuantitatif yang melambangkan volum pembelajaran untuk mencapai hasil pembelajaran tertentu. Secara umumnya, seseorang pelajar yang melalui proses pembelajaran selama 40 jam dalam satu semester yang bersesuaian dengan Hasil Pembelajaran Program akan diberikan satu (1) kredit.
- 3.2 Pemindahan kredit ialah proses pemberian kredit oleh satu program pengajian kepada program pengajian yang lain sama ada kedua-dua program itu ialah program pengajian UKM atau salah satu daripadanya ialah program di luar UKM. Kredit yang dipindahkan boleh juga termasuk kredit yang diberi berdasarkan prinsip RPL.
- 3.3 Pengecualian kursus ialah proses penyetaraan kursus untuk kredit yang dipindahkan dan disetarakan dengan kursus sedia ada dalam program pengajian UKM yang diikuti oleh pelajar berkenaan. Kursus yang dikecualikan boleh diambil kira kreditnya untuk memenuhi sebahagian daripada jumlah kredit program yang diikuti.

### 4. Syarat-Syarat Pemindahan Kredit

- 4.1 Syarat-syarat **pemindahan kredit secara mendatar** adalah seperti berikut:
  - 4.1.1 Apabila kredit hendak dipindahkan daripada satu program ke program lain, hasil pembelajaran dan/atau kandungan kursus yang dipadankan dalam kedua-dua program itu mestilah mempunyai persamaan **tidak kurang daripada 80%**;
  - 4.1.2 Apabila pemindahan kredit melibatkan penyetaraan gred kursus:
    - (a) Pelajar yang hendak memindahkan kredit satu-satu kursus mestilah mendapat gred **tidak kurang daripada C untuk program prasiswazah atau B untuk program pascasiswazah**; atau
    - (b) Sekiranya institusi bekerjasama mengguna pakai sistem ACTS (*ASEAN Credit Transfer System*), UCTS (*UMAP Credit Transfer System*) atau ECTS (*European Credit Transfer System*) untuk penyetaraan gred kursus mereka dan maklumat gred sebenar tidak diperolehi atau gred yang diberikan lebih rendah daripada gred yang dinyatakan dalam Klausula 4.1.2 (a), penyetaraan gred boleh dilakukan

**berdasarkan kedudukan pencapaian pelajar dalam kursus yang diambil** (rujuk Jadual 1); atau

- (c) Penyetaraan gred boleh dilakukan **berdasarkan markah mutlak** dengan mengambil kira kesetaraan markah lulus penuh (full pass) di IPT yang bekerjasama dengan markah lulus di UKM;
- (d) Untuk pemindahan kredit yang melibatkan pemberian gred kepada hasil pembelajaran kursus, gred kursus yang disetarakan melalui mekanisme (a) - (c) di atas boleh diberikan berdasarkan pemetaan kursus tersebut sepenuhnya pada hasil pembelajaran program yang paling dominan.

- 4.1.3 Perbezaan magnitud kredit yang hendak dipindahkan itu hendaklah tidak melebihi 10% daripada kursus setara yang ada di UKM. Oleh sebab takrif kredit mungkin berbeza-beza dari satu institusi dengan institusi yang lain, perbandingan magnitud kredit boleh dilakukan melalui Masa Pembelajaran Pelajar (MPP). Jika MPP tidak dapat ditentukan, jumlah kredit untuk menamatkan pengajian boleh digunakan untuk melakukan perbandingan. Sebagai contoh, jika sesebuah institusi memerlukan 200 kredit untuk menamatkan pengajian, manakala di UKM memerlukan 120 kredit bagi program yang setara, maka 1 kredit di UKM bersamaan dengan 1.67 kredit di institusi tersebut;
- 4.1.4 Tempoh sah laku kredit yang dipindahkan ialah 5 tahun dari tarikh permohonan pindah kredit;
- 4.1.5 Kredit yang dipindahkan hendaklah daripada program yang mendapat akreditasi oleh MQA, badan profesional berautoriti atau agensi jaminan kualiti di negara berkenaan dan telah diluluskan oleh Senat.
- 4.1.6 Kredit yang dipindahkan tidak tertakluk kepada had tertentu tetapi pelajar adalah tertakluk pada masa bermastautin yang ditetapkan untuk program berkenaan.

4.2 Syarat **pemindahan kredit secara menegak** adalah seperti berikut:

- 4.2.1 Kursus-kursus yang telah diambil di institusi pasca pendidikan menengah boleh mendapat pemindahan kredit secara menegak di UKM berasaskan pemetaan mata pelajaran yang sesuai jika:



- (b) Hasil pembelajaran dan/atau kandungan kursus tersebut mempunyai persamaan dengan kursus-kursus di UKM tidak kurang daripada **80%**;
- (c) Pelajar yang berkenaan mendapat gred tidak kurang daripada **C** atau yang setara dengannya;
- (d) Perbezaan magnitud kredit yang hendak dipindahkan itu hendaklah tidak melebihi 10% daripada kursus setara yang ada di UKM. Oleh sebab takrif kredit mungkin berbeza-beza dari satu institusi dengan institusi yang lain, perbandingan magnitud kredit boleh dilakukan melalui Masa Pembelajaran Pelajar (MPP). Jika MPP tidak dapat ditentukan, jumlah kredit untuk menamatkan pengajian boleh digunakan untuk melakukan perbandingan;
- (e) Kredit yang dipindahkan hendaklah daripada program yang mendapat akreditasi daripada MQA, badan profesional berautoriti atau agensi jaminan kualiti di negara berkenaan.
- (f) Kredit yang dipindahkan tidak boleh melebihi 30% daripada jumlah keseluruhan kredit bagi satu program tertentu.
- (g) Bagi kelayakan Diploma, kredit yang dipindahkan secara menegak tidak boleh melebihi 50% daripada jumlah beban kredit sesuatu program tertakluk kepada ketetapan berikut;

Peratus Pindah Kredit (%)	Gred Minimum Kursus
1 hingga 30	C
31 hingga 50	B

*\*kelulusan Mesyuarat Senat ke-467 (15 Julai 2020)*

- (h) Kelayakan Diploma Lanjutan (Tahap 5 MQF) yang turut memiliki Diploma (Tahap 4 MQF) boleh dipertimbangkan pindah kredit sehingga maksimum dua (2) tahun pengajian di peringkat Sarjana Muda.

### 4.3 Syarat pemindahan kredit menerusi laluan APEL.C:

- 4.3.1 APEL (C) merupakan suatu mekanisme untuk mengiktiraf pembelajaran berdasarkan pengalaman terdahulu pelajar yang telah dikenal pasti sebagai relevan dan telah mencapai hasil pembelajaran kursus (HPK) bagi sesuatu kursus.
- 4.3.2 APEL (C) membolehkan pembelajaran berdasarkan pengalaman terdahulu dalam bentuk pengetahuan dan kemahiran yang diperolehi melalui pembelajaran formal dan/atau pembelajaran bukan formal dan/atau pembelajaran tidak formal, diberikan kredit dan dipindahkan untuk menggantikan kursus-kursus yang telah disetarakan.
- 4.3.3 Untuk tujuan pengesahan dan pengiktirafan, pembelajaran berdasarkan pengalaman terdahulu pelajar akan disemak dan dinilai oleh panel penilai terlatih.
- 4.3.4 Syarat penganugerahan APEL (C) seperti yang telah ditetapkan di peringkat UKM adalah seperti berikut:
  - (a) Pemberian kredit melalui APEL (C) adalah dalam bentuk pemindahan kredit di mana ianya tidak melibatkan pemindahan gred. Walau bagaimanapun, kredit diberikan untuk APEL (C) ini akan dikira untuk keperluan jumlah kredit pengijazahan.
  - (b) Peratusan maksimum pemindahan kredit melalui APEL (C) adalah 30% daripada jumlah kredit pengijazahan sesuatu program pengajian. Peratusan ini adalah tambahan kepada peruntukkan pemindahan kredit berdasarkan Dasar Pindah Kredit, MQA dan Dasar Pengajaran dan Pembelajaran, UKM sedia ada. Pemindahan kredit maksimum yang dibenarkan melalui APEL (C) di pelbagai peringkat MQF adalah seperti yang ditunjukkan dalam **Jadual 2.1** (merujuk kepada Garis Panduan Pelaksanaan APEL (C) UKM: Pindah Kredit Berasaskan Pengalaman Terdahulu Pindaan 2020-Kelulusan Senat UKM Ke-469 (23 September 2020)).

## Jadual 2.1 Kelayakan, Tahap dan Kredit Minimum di bawah MQF

Jadual 2.1 Kelayakan, Tahap dan Kredit Minimum di bawah MQF

Tahap MQF	Sektor Pengajian Tinggi	Kredit minimum pengijazahan	30% daripada Jumlah kredit minimum pengijazahan
8	Ijazah Kedoktoran (penyelidikan)	Tiada kredit	Tidak dibenarkan
	Ijazah Kedoktoran (mod kerja kursus/ campuran)	80	24
7	Ijazah Sarjana (penyelidikan)	Tiada kredit	Tidak dibenarkan
	Ijazah Sarjana (mod kerja kursus/ campuran)	40	12
	Diploma Pascasiswazah	30	9
	Sijil Pascasiswazah	20	6
6	Ijazah Sarjana Muda	120	36
	Diploma Siswazah	60+6 (Citra)	20
	Sijil Siswazah	30+6 (Citra)	11
5	Diploma Lanjutan	40	12
4	Diploma	90	27
3	Sijil	60	18

- (c) Dasar ini perlu dibaca bersekali dengan Garis Panduan Pelaksanaan APEL (C) UKM: Pindah Kredit Berasaskan Pengalaman Terdahulu (Pindaan 2020) – yang telah mendapat kelulusan Senat UKM ke-469 (23 September 2020).

### 5. Mekanisme Pelaksanaan

- 5.1 Pelajar yang ingin memperoleh pemindahan kredit hendaklah mengemukakan permohonan rasmi kepada dekan fakulti masing-masing atau kepada wakil yang diberi kuasa.
- 5.2 Mekanisme kelulusan pemindahan kredit boleh ditentukan oleh fakulti mengikut kesesuaian masing-masing dan mengikut bidang kursus yang berkaitan.
- 5.3 Kelulusan Senat diperlukan jika pemindahan melibatkan penganugerahan dwiijazah, dual-ijazah atau ijazah bersama.

5.4 Kelulusan Senat diperlukan jika pemindahan melebihi 30%, atau gred kurang daripada C.


**Jadual 1: Skala Gred ACTS (ASEAN Credit Transfer System), UCTS (UMAP Credit Transfer System) atau ECTS (European Credit Transfer System).**

**Jadual 1: Skala Gred ACTS (ASEAN Credit Transfer System), UCTS (UMAP Credit Transfer System) atau ECTS (European Credit Transfer System).**

Gred yang setara	Peratusan pencapaian pelajar mengikut taburan normal	Penerangan tentang gred
A	10%	CEMERLANG – Pencapaian yang tinggi dengan kelemahan yang boleh diabaikan.
B	25%	AMAT BAIK – Pencapaian lebih tinggi daripada pencapaian purata pelajar keseluruhan dengan kelemahan yang sedikit.
C	30%	BAIK – Pencapaian yang boleh diterima dengan beberapa kelemahan.
D	25%	MEMUASKAN – Pencapaian yang masih boleh diterima dengan kelemahan yang ketara.

## Carta Alir Pemindahan Kredit

- a. Carta alir bagi pemindahan kredit secara mendatar dan menegak adalah sama bagi program prasiswazah dan pascasiswazah.



*\*Garis Panduan Beserta Borang Permohonan Pemindahan Kredit Secara Menegak Dan Pemindahan Kredit Secara Mendatar (Pindaan 2020), Pusat Pengurusan Akademik (18-09-2020).*



UNIVERSITI  
KEBANGSAAN  
MALAYSIA  
*The National University  
of Malaysia*